BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



LAPORAN KAJIAN HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI TAHUN 2020

SEKAPUR SIRIH
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Pelaksanaan kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori merupakan suatu perubahan dasar yang akan memberi impak besar terhadap sistem keadilan negara kerana buat julung kalinya polisi penghukuman disemak dan dikaji semula. Kajian ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan hak asasi manusia di Malaysia sentiasa terpelihara serta kekal relevan dengan perkembangan dunia semasa. Syor-syor kajian disediakan berdasarkan sesi libat urus yang inklusif dan holistik dengan semua pihak berkepentingan di peringkat akar umbi. Ini termasuk pandangan pakar perundangan dalam dan luar negara serta perbandingan dengan kerangka perundangan negara-negara luar.

Melalui kajian yang telah dilaksanakan ini, Kerajaan dapat mengenal pasti hukuman gantian terbaik yang bersifat adil dan setimpal dengan kesalahan jenayah yang telah dilakukan. Mekanisme ini juga selaras dengan prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*) yang menjadi tunjang kepimpinan Kerajaan baharu selaras dengan kehendak rakyat yang mahukan penguatkuasaan undang-undang secara adil dan telus.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menggembeling tenaga bagi menghasilkan laporan kajian ini. Saya juga merasa amat berbesar hati

dengan sokongan serta input yang telah diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian ini terutamanya daripada rakyat Malaysia. Saya percaya bahawa penglibatan rakyat dalam proses pembaharuan undang-undang melalui pelbagai platform seumpama ini perlu diberi perhatian supaya hak individu untuk menyuarakan pandangan tidak diketepikan.

Syor-syor yang telah dikemukakan di dalam laporan kajian ini bukanlah bersifat statik tetapi ianya merupakan satu proses yang dinamik. Seterusnya beberapa langkah perlu dilaksanakan bagi memastikan syor-syor yang dikemukakan adalah bertepatan dengan hala tuju sistem keadilan di Malaysia serta berada di landasan yang terbaik.

PRAKATA
YBHG. TAN SRI RICHARD MALANJUM
PENGERUSI JAWATANKUASA KHAS KAJIAN HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI

Salam Sejahtera, Salam Negaraku

Setinggi-tinggi syukur kepada Tuhan kerana menganugerahkan kesempatan ini untuk saya mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia amnya dan khususnya YB Datuk Liew Vui Keong, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal undang-undang atas kepercayaan dan keyakinan terhadap ahli-ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mandatori. Kajian yang dilaksanakan ini adalah berkaitan isu yang serius dan kompleks, dan Jawatankuasa Khas ini diberi selama tempoh 4 bulan mulai 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020 untuk mengkaji dan menghasilkan laporan ini.

Penghargaan istimewa saya kepada rakan seperjuangan, ahli-ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori, pegawai-pegawai penyelidik daripada Jabatan Peguam Negara, Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) dan SUHAKAM serta pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri selaku sekretariat kepada Jawatankuasa Khas kerana telah berjaya menghasilkan Laporan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori untuk pertimbangan Kerajaan.

Kejayaan ini juga turut disokong dengan komitmen dan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Pulau Pinang, Kelantan, Sabah dan Sarawak, Kementerian/Jabatan/Agensi, Kumpulan Agamawan Islam dan Bukan Islam, Badan Bukan Kerajaan, Masyarakat Sivil, pakar undang-undang dalam dan luar negara serta seluruh masyarakat negara ini yang turut serta memberikan input dan pandangan melalui sesi libat urus sepanjang kajian dilaksanakan.

Akhir kata, saya mengharapkan agar syor Laporan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ini dapat membantu Kerajaan mempertimbangkan hukuman gantian terhadap cadangan pemansuhan hukuman mati mandatori sekaligus membuat keputusan yang tepat, adil dan terbaik demi memastikan sistem pengadilan jenayah yang efektif untuk manfaat masyarakat.

TAN SRI RICHARD MALANJUM
PENGERUSI
JAWATANKUASA KHAS KAJIAN HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian ini adalah susulan daripada keputusan Jemaah Menteri untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Kerajaan turut bersetuju agar suatu kajian diadakan berkaitan polisi penghukuman bagi menggantikan hukuman mati mandatori kepada hukuman yang lebih wajar tertakluk kepada budi bicara Mahkamah. Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi tujuan untuk melaksanakan kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori dalam tempoh selama 4 bulan, bermula 20 September 2019 hingga 31 Januari 2020.

Dapatan kajian, pandangan dan input dikumpul melalui sesi libat urus bersama agensi kerajaan, kumpulan agamawan, CSOs, NGOs, ahli-ahli Parlimen Malaysia, keluarga mangsa, keluarga banduan akhir dan banduan akhir. Bagi mendapatkan input di peringkat akar umbi, sebanyak 7 sesi *town hall* telah diadakan mengikut zon. Soal selidik atas talian turut dibangunkan dan dapatan daripada soal selidik turut diambil kira dalam penyediaan laporan ini. Selain itu, pandangan undang-undang dari pakar undang-undang dalam dan luar negara telah diambil kira dalam dapatan kajian ini.

Kajian ini juga telah meneliti kerangka perundangan sedia ada di Malaysia dan suatu analisa perbandingan polisi penghukuman telah dilaksanakan dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Hong Kong, United Kingdom, New Zealand dan negara-negara di Asia Tenggara seperti Singapura, Thailand, Laos, Kemboja, Filipina, Myanmar dan Indonesia.

Analisa yang telah dilaksanakan menjadi asas kepada syor Jawatankuasa Khas untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk pada budi bicara Mahkamah. Dalam hal ini, beberapa prinsip asas kepada perubahan polisi penghukuman diperkenalkan selaras dengan prinsip *proportionality* yang merupakan sebahagian daripada falsafah undang-undang.

Berdasarkan dapatan kajian daripada sesi libat urus yang telah diadakan, kebanyakan pihak terlibat bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori sahaja. Ini adalah kerana mereka berpandangan bahawa budi bicara perlu diberikan kepada Mahkamah untuk menentukan hukuman bagi setiap kesalahan berdasarkan pada fakta dan keseriusan kes.

Hukuman gantian yang dicadangkan perlulah setimpal dengan jenayah yang dilakukan oleh seseorang pesalah. Sebagai contoh dalam kes-kes pemilikan dadah dan pengedaran dadah. Begitu juga dengan hukuman yang melibatkan kematian dan tidak melibatkan kematian. Oleh demikian, aspek keseriusan jenayah perlu dinilai sama ada jenayah tersebut merupakan sangat kejam atau *rarest of the rare* sebelum sesuatu hukuman itu dilaksanakan. Ini bagi memastikan tidak berlaku *incongruity* dengan hukuman-hukuman lain yang kurang serius.

Penekanan juga perlu diberi kepada latar belakang setiap banduan bagi memastikan faktor-faktor luaran yang menyumbang kepada berlaku jenayah dapat diambil kira. Dalam konteks ini, terdapat pandangan bahawa *victim's impact statement* adalah sangat penting dalam sesi *sentencing hearing* di mana keadaan sebenar mangsa dapat diketahui oleh hakim sebelum penghukuman dijatuhkan.

Kebanyakan cadangan yang diterima adalah untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman pemenjaraan, iaitu sama ada pemenjaraan seumur hidup atau pemenjaraan sepanjang hayat. Selain itu, hukuman gantian lain yang dicadangkan adalah sebatan. Konsep *restorative justice* dan pemulihan banduan telah banyak dibincangkan sepanjang sesi libat urus yang memberi peluang kepada banduan untuk memperbaiki diri mereka dengan bantuan dan sokongan Jabatan Penjara Malaysia.

Selain itu, kebanyakan pihak telah mengutarakan pandangan dari perspektif Islam bahawa konsep kemaafan dan *diyyat* kepada keluarga mangsa perlu dipertimbangkan. Jabatan Penjara Malaysia berpandangan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori akan meningkatkan perbelanjaan kepada Kerajaan terutamanya kos pengurusan banduan dan fasiliti tambahan.

Secara keseluruhannya, syor-syor hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori dan rasional berkaitan perubahan polisi penghukuman tersebut melibatkan 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori serta 22 kesalahan dengan hukuman mati tertakluk kepada budi bicara Mahkamah. Syor-syor tersebut dibangunkan berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

(i) Bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, hukuman mati atas budi bicara Mahkamah dikekalkan;
(ii) Bagi kesalahan yang lain yang tidak menyebabkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh Mahkamah; dan
(iii) Sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh Mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman sebatan.

Susulan daripada syor hukuman gantian tersebut, Jawatankuasa Khas turut mencadangkan mekanisme panel khas bagi kajian semula hukuman yang telah dijatuhkan ke atas 1,305 banduan termasuk 24 orang banduan yang mana petisyen pengampunan telah ditolak Lembaga Pengampunan Negeri.

Laporan ini juga turut mengandungi syor-syor Jawatankuasa Khas berkaitan hala tuju sistem keadilan jenayah di Malaysia yang wajar diberi perhatian oleh semua pihak berkaitan. Antaranya, termasuk penubuhan Majlis Penghukuman, Mahkamah Khas dan garis panduan penghukuman. Sebelum sesuatu syor dilaksanakan, kajian menyeluruh adalah perlu bagi memastikan keberkesanan syor tersebut.

Pelaksanaan keputusan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori adalah suatu keputusan yang memberi impak besar kepada sistem keadilan jenayah di negara ini melalui perubahan polisi penghukuman sedia ada. Oleh yang demikian, diharapkan agar laporan ini boleh memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat umum mengenai perubahan polisi yang berlaku selain menjadi panduan kepada kepimpinan negara untuk sentiasa melaksanakan yang terbaik demi manfaat semua pihak.

KANDUNGAN

Senarai Jadual……..xii
Senarai Rajah……...xii
Akronim……..…xiii
Glosari……...xiv

1. PENGENALAN

1.1 Latarbelakang 1

1.2 Jawatankuasa Khas 2

1.2.1 Tempoh Kajian 3

1.2.2 Terma Rujukan (Skop & Parameter Kajian) 3

1.2.3. Tadbir Urus 10

1.3 Metodologi Kajian 11

1.3.1. *Desk Review* dari sumber Primer dan Sekunder 11

1.3.2. Pandangan dari Pakar Perundangan 12

1.3.3. Sesi *Focus Group Discussion* (*FGD*) 12

1.3.4. Sesi *Town Hall* dengan pelbagai pihak di peringkat akar umbi 14

1.3.5. Perjumpaan dengan keluarga banduan akhir 15

1.3.6. Perjumpaan dengan keluarga mangsa 16

1.3.7. Perjumpaan dengan banduan akhir 16

1.3.8. Soal selidik atas talian (*Online Public Survey*) 17

2. KONTEKS PELAKSANAAN HUKUMAN MATI

2.1 Perspektif Hukuman Mati Mandatori Di Negara-Negara Lain 18

2.1.1. Pandangan berkenaan dengan hukuman mati dari sudut hak asasi manusia 19

2.1.2. Perbandingan pelaksanaan dan pemansuhan hukuman mati di negara-negara Lain 21

2.2 Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia 23

2.2.1. Kerangka perundangan semasa berkaitan dengan pelaksanaan hukuman Mati 23

2.2.2. Kategori-kategori individu yang dilarang dijatuhi hukuman mati 24

2.2.3. Hak mendapat pengampunan melalui Lembaga Pengampunan Negeri 27

2.2.4. Kedudukan pelaksanaan hukuman mati mandatori di Malaysia (termasuk statistik pelaksanaan hukuman mati) 28

2.2.5. Keputusan-keputusan Kerajaan berkaitan hukuman mati 30

2.2.6. Fokus kajian dan kerangka perundangan berkaitan 34

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Dapatan Sesi Town Hall Berdasarkan Kepada Isu-Isu Berbangkit 36

3.2 Dapatan Sesi *Focus Group Discussion* (*FGD*) 48

3.3 Dapatan Perjumpaan Dengan Keluarga Banduan Akhir 73

3.4 Dapatan Perjumpaan Dengan Banduan Akhir 77

3.5 Dapatan Perjumpaan Dengan Keluarga Mangsa Dapatan Pandangan Pakar Perundangan 85

3.6 Dapatan Soal Selidik Atas Talian (*Online Public Survey*) 92

4. RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Cadangan Pemansuhan Hukuman Mati 101

4.2 Hukuman Gantian Untuk Menggantikan Hukuman Mati Mandatori 102

4.3 Konsep Restorative Justice Dan Pemulihan Banduan 105

4.4 Pandangan Dari Perspektif Islam 105

4.5 Implikasi Kewangan Kepada Kerajaan 107

4.6 Cadangan Penambahbaikan Sistem Keadilan Di Malaysia 107

4.7 Rumusan Terhadap Perbincangan Dapatan 108

5. SYOR DAN KESIMPULAN

5.1 Syor 113

5.2 Cadangan Hala Tuju Sistem Keadilan Jenayah Di Malaysia 123

5.3 Kesimpulan 127

Lampiran

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Perincian Sesi *Focus Group Discussion* 13

Jadual 1.2: Jadual 2: Perincian Sesi *Town Hall* 14

Jadual 2.1: Jumlah negara yang telah memansuhkan hukuman mati dan yang masih mengamalkan hukuman mati 19

Jadual 2.2: Maklumat berkenaan dengan status hukuman mati di negara di Asia Tenggara 2018 23

Jadual 2.3: Statistik pelaksanaan hukuman mati (statistik sehingga 14 Oktober 2019) 29

Jadual2.4**:** Statistik banduan hukuman mati mengikut warganegara dan bangsa (sehingga 31 Januari 2020) 29

Jadual 2.5: Kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori 34

Jadual 5.1: Syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori 115

Jadual 5.2: Hukuman gantian bagi kesalahan seksyen 39B di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 119

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Kronologi Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2

SENARAI AKRONIM

AADK : Agensi Anti dadah Kebangsaan

ABIM : Angkatan Belia Malaysia

CSO : *Civil Society Organisation*

FGD : *Focus Group Discussion*

GPU : Gerakan Pembela Ummah

HAKAM : *National Human Rights Society*

I-CeLLS : *International Centre For Law and Legal Studies*

ICCPR : *International Covenent for Civil and Political Rights*

IPT : Institut Pengajian Tinggi

IAIS : *International Institute of Advanced Islamic Studies*

JPNIN : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

KDN : Kementerian Dalam Negeri

KHETS : Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali

KLIA : *Kuala Lumpur International Airport*

MACSA : *Malaysia Alliance of Civil Society Organization in Universal Periodic Review (UPR) Process*

MBM : Majlis Belia Malaysia

MCS : *Malaysia's Christian's Society*

NGO : *Non-Governmental Organisation*

PBB : Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu

PBM : Persatuan Buddhist Malaysia

PDRM : Polis Diraja Malaysia

PGM : Persatuan Gudwara Malaysia

PHS : Persatuan Hindu Sangam

PPM : Persatuan Pengasih Malaysia

PSM : Persatuan Sikh Malaysia

SUHAKAM : Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia

GLOSARI

Terma	Deskripsi
Court Assigned Counsel	Peguam yang dilantik oleh mahkamah untuk mewakili tertuduh dalam kes jenayah yang membawa hukuman mati.
Restorative Justice	Pemulihan keadilan yang berorientasikan masyarakat di mana semua pihak adalah terlibat dalam proses mendapatkan keadilan tersebut. Proses penyembuhan dan pemulihan adalah ditekankan dalam konsep ini untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
Recidivist	Penjenayah yang pernah disabit dan mengulangi sebarang perbuatan jenayah.
Victim's Impact Statement	Pernyataan yang dibuat oleh mangsa atau keluarga mangsa terhadap kesan yang dialami daripada sesuatu perbuatan jenayah sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 183A Kanun Tatacara Jenayah.
Abolitionist de facto / De facto Abolition	Negara yang masih mengekalkan hukuman mati sebagai salah satu hukuman bagi kes jenayah tetapi tidak melaksanakannya semenjak 10 tahun dan kebelakang.
Imprisonment for life	Seksyen 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 [Akta 345] memperuntukkan bahawa hukuman pemenjaraan seumur hidup (imprisonment for life) adalah selama 30 tahun.
Imprisonment for natural life	Hukuman pemenjaraan sehingga ke akhir hayat.

Terma	**Deskripsi**
Munaqasyah	Perbincangan
Corporal punishment	Hukuman yang dibuat dengan tujuan untuk memberi kesakitan fizikal kepada pesalah seperti sebatan.
Qisas	Secara harfiah qisas bermaksud balas balik. Maksudnya; perbuatan jenayah dilakukan seseorang, setelah dibuktikan boleh di'qisas'kan atau dibalas balik ke atas pelaku itu. Berkaitan dengan qisas ini ialah diyyah atau sejumlah bayaran pampasan bagi kesalahan membunuh atau kesalahan seumpama denda atas kesalahan melibatkan darah seperti membunuh atau mengakibatkan kecederaan.
Retrospective	Pelaksanaan undang-undang secara ke belakang
Heinous Crimes / Rarest of the rare / Most serious	Menggambarkan jenayah yang sangat serius
Abolitionist for all crimes	Negara-negara yang tidak lagi menjatuhkan lagi hukuman mati bagi semua kesalahan
Abolitionist for ordinary crimes	Negara-negara yang memperuntukkan hukuman mati hanya kepada beberapa jenayah terkecuali seperti jenayah di bawah undang-undang ketenteraan atau jenayah yang dilakukan dalam beberapa keadaan terkecuali.
Abolitionist in practice	Negara-negara yang masih mengekalkan hukuman mati bagi beberapa kesalahan jenayah seperti kesalahan membunuh, tetapi tidak melaksanakan hukuman tersebut dalam tempoh 10 tahun.

Terma	**Deskripsi**
Retentionist countries	Negara-negara yang masih mengekalkan hukuman mati

BAB 1: PENGENALAN


Kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori perlu dilaksanakan secara mendalam dan menyeluruh dengan mengambil kira faktor-faktor seperti implikasi perundangan dan impak sosial. Satu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah ditubuhkan untuk membantu Kerajaan membuat keputusan yang tepat dan terbaik dalam memastikan keadilan semua pihak terpelihara konsisten dengan prinsip kedaulatan undang-undang *(rule of law)* dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Kajian yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas tersebut turut meneliti hukuman-hukuman alternatif yang lebih sesuai bagi menggantikan hukuman mati berasaskan konsep dan amalan *restorative justice* seperti yang diamalkan oleh beberapa buah negara barat seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Switzerland serta negara-negara di Asia Tenggara termasuk Singapura, Thailand, Laos, Kemboja, Filipina, Myanmar dan Indonesia.

1.1 Latar Belakang

Penubuhan Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori telah diputuskan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Ogos 2019, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Keputusan ini dibuat rentetan daripada keputusan-keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang terdahulu yang mendapati terdapat keperluan supaya kajian yang lebih

mendalam dibuat terhadap keputusan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Ini termasuklah kajian berkaitan polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Inisiatif untuk memansuhkan hukuman mati mandatori bukanlah sesuatu yang baharu, ia telah pun bermula sejak beberapa tahun yang lalu seperti Garis Masa di **Rajah 1**. Berikut ialah kronologi ringkas berkaitan dengan perkara ini:



Rajah 1: Kronologi Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori

1.2 Jawatankuasa Khas

Jawatankuasa Khas ini terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan seperti bekas Ketua Hakim Negara, bekas Hakim Besar Malaya, bekas Hakim Mahkamah

Rayuan, bekas Peguam Cara Negara, bekas pegawai kanan Jabatan Penjara, pensyarah undang-undang daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pakar kajian jenayah (*criminologist*) dan pengamal undang-undang. Senarai ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori seperti di **Lampiran A**.

1.2.1 Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori adalah selama 3 bulan iaitu mulai 20 September 2019 sehingga 20 Disember 2019. Tempoh kajian ini telah dilanjutkan sehingga 31 Januari 2020 atas keperluan untuk meneruskan sesi konsultasi dan *town hall* bagi mendapatkan lebih banyak input daripada pihak-pihak berkepentingan.

1.2.2 Terma Rujukan (Skop dan Parameter Kajian)

Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Khas ialah:

(i) Menyemak dan mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman (*sentencing policy*) berdasarkan cadangan Jemaah Menteri untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah:

(a) Mengkaji polisi penghukuman alternatif (*alternative sentencing policy*) sedia ada dan baharu sebagai hukuman gantian terhadap hukuman mati;

(b) Memastikan hukuman gantian terhadap hukuman mati adalah setimpal dengan kesalahan jenayah yang dilakukan;

(c) Mengkaji dan meneliti kesesuaian cadangan Jemaah Menteri terhadap kuasa budi bicara Mahkamah dalam penetapan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun;

(d) Memastikan *incongruity* dalam hukuman bagi semua jenis kesalahan di bawah undang-undang jenayah khususnya kesalahan serius tidak berlaku; dan

(e) Mengkaji kesesuaian pelaksanaan hukuman berasaskan kaedah *restorative justice*.

(ii) Menyemak dan mengkaji implikasi moratorium pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori terhadap:

(a) 1,305 (setakat 31 Januari 2020) orang banduan yang telah dijatuhi hukuman mati

dan sedang/telah mengemukakan rayuan pengampunan kepada Lembaga Pengampunan Negeri; dan

(b) pelaksanaan hukuman mati melibatkan 24 orang banduan daripada 1,305 orang banduan yang mana rayuan pengampunan telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri termasuk kuasa pengampunan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Raja/Yang di-Pertua Negeri menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

(iii) Mengadakan sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan daripada peringkat akar umbi mengenai hukuman gantian terhadap hukuman mati;

(iv) Menilai (*review*) hasil dapatan sesi konsultasi berkaitan isu-isu pelaksanaan hukuman gantian terhadap hukuman mati;

(v) Menganalisa, menyediakan syor dan laporan bagi penambahbaikan hukuman gantian terhadap hukuman mati terutama berkaitan *sentencing policy* melalui laporan awalan, laporan interim dan laporan akhir untuk pertimbangan awal YAB Perdana Menteri dan YB

Menteri. Laporan-laporan ini akan mengandungi cadangan pembaharuan, rasional dan penjelasan kepada cadangan hukuman gantian terhadap hukuman mati; dan

(vi) Tempoh pelaksanaan kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori adalah selama 3 bulan (September hingga Disember 2019).

Dalam melaksanakan kajian, Jawatankuasa Khas telah turut menimbangkan perkara-perkara berikut:

(i) Hukuman–hukuman gantian yang wajar diberikan bagi kategori kesalahan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori

Terdapat 11 kesalahan iaitu 9 kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan 2 kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37) yang membawa kepada hukuman mati mandatori. Sekiranya hukuman mati mandatori dimansuhkan, hukuman-hukuman gantian yang setimpal dengan kesalahan-kesalahan berat tersebut mesti diperuntukkan.

Terdapat 1 kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] yang tidak membawa hukuman mati mandatori. Walau bagaimanapun, kuasa budi bicara Mahkamah adalah tertakluk kepada pembuktian dalam 4 keadaan seperti yang diperuntukkan

dalam subseksyen 39B (2A) Akta Dadah Berbahaya 1952. Namun hukuman mati masih dilihat sebagai mandatori apabila 4 keadaan yang diperuntukkan sukar untuk dibuktikan. Oleh itu, hukuman gantian terhadap kesalahan ini akan turut dipertimbangkan dalam kajian ini.

(ii) Kesan perenggan (i) kepada kesalahan lain yang membawa hukuman mati bukan mandatori

Terdapat juga 22 kesalahan yang membawa hukuman mati yang tertakluk pada budi bicara Mahkamah. Terdapat pelbagai jenis hukuman gantian yang berbeza-beza, menurut akta dan kesalahan yang diperuntukkan bagi 22 kesalahan ini:

(a) pemenjaraan seumur hidup;
(b) pemenjaraan seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 6 kali;
(c) pemenjaraan seumur hidup yang bermaksud selama 30 tahun;
(d) pemenjaraan sehingga 30 tahun;
(e) pemenjaraan tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan sebatan tidak kurang daripada 10 kali ; dan
(f) hukuman-hukuman di bawah akta-akta tertentu seperti Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77], Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] dan Akta Perdagangan Strategik

Hukuman gantian yang dicadangkan bagi perenggan (i), tidak wajar lebih ringan daripada hukuman-hukuman gantian di bawah perenggan (ii) kerana 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori merupakan kesalahan-kesalahan berat yang melibatkan kepentingan awam.

(iii) Kesan perenggan (i) dan perenggan (ii) kepada kesalahan-kesalahan lain yang bersifat kurang serius berbanding dengan kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati namun memperuntukkan hukuman yang amat berat juga

Selain kesalahan-kesalahan di bawah kategori-kategori di perenggan (i) dan perenggan (ii) di atas, terdapat juga kesalahan-kesalahan lain yang memperuntukkan hukuman-hukuman yang berat seperti contoh-contoh yang berikut:

(a) hukuman bagi kesalahan rogol (seksyen 376 Kanun Keseksaan) dan sumbang mahram (seksyen 376B Kanun Keseksaan) ialah pemenjaraan selama tempoh minimum 10 tahun dan maksimum 30 tahun dan sebatan;

(b) hukuman bagi kesalahan rogol melibatkan wanita yang dilarang untuk dikahwini (seksyen 376 Kanun Keseksaan) ialah pemenjaraan selama tempoh

minimum 8 tahun dan maksimum 30 tahun dan juga sebatan tidak kurang 8 kali;

(c) hukuman bagi pemilikan dadah berbahaya di bawah seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] ialah hukuman pemenjaraan selama tempoh minimum 10 tahun dan sebatan 10 kali;

(d) hukuman-hukuman gantian kepada hukuman mati mesti mengambil kira perkara ini agar tidak berlaku *incongruity* dalam hukuman dan menjadikan hukuman bagi 11 kesalahan yang paling berat berkemungkinan menjadi lebih ringan daripada hukuman bagi kesalahan-kesalahan lain; dan

(e) *incongruity* ini mungkin berlaku sekiranya contoh yang diberikan oleh Jemaah Menteri bagi hukuman pemenjaraan antara 10 hingga 30 tahun dijadikan hukuman gantian.

(iv) Langkah-langkah yang perlu diambil bagi 1,305 orang banduan yang sudah dihukum dengan hukuman mati termasuk juga 24 orang yang sudah melalui semua proses rayuan dan setakat ini gagal menerima pengampunan apabila moratorium dihentikan

Terdapat 1,305 orang banduan hukuman mati yang hukumannya telah diberi moratorium. Sekiranya hukuman mati mandatori dihapuskan ini akan memberi kesan kepada banduan yang dijatuhi hukuman mati mandatori. Kajian

mesti menentukan langkah-langkah yang wajar dan adil diambil bagi golongan ini yang akan terkesan dengan keputusan memansuhkan hukuman mati mandatori, khususnya untuk menentukan kewajaran pelaksanaan hukuman gantian secara ke belakang (*retrospective)*. Susulan itu, prosedur yang wajar akan dicadangkan di dalam kajian Jawatankuasa Khas ini.

1.2.3 Tadbir Urus

Jawatankuasa Pemantauan turut ditubuhkan yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) dengan dianggotai oleh wakil-wakil agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Polis DiRaja Malaysia. Jawatankuasa Pemantauan ini bertindak memantau keseluruhan pelaksanaan kajian agar selaras dengan Terma Rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pemantauan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang kajian dijalankan, iaitu pada 27 November 2019 dan 11 Februari 2020.

Jawatankuasa Khas telah mengemukakan 2 laporan iaitu laporan interim pada pertengahan tempoh kajian bagi tujuan melaporkan kemajuan kajian yang dilaksanakan. Laporan akhir ini juga telah dikemukakan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) setelah selesai kajian.

1.3 Metodologi Kajian

Beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mengumpul data dan maklumat serta pandangan daripada semua lapisan masyarakat. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi memastikan maklumat dan data yang diperoleh adalah holistik dan inklusif. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah seperti yang berikut:

1.3.1 *Desk review* terhadap sumber primer dan sekunder dari kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan pemansuhan hukuman mati di dalam dan di luar negara

Tujuan *desk review* adalah bagi memastikan asas kajian adalah jitu dengan mengkaji semua dasar dan perundangan yang berkaitan dengan kesalahan hukuman mati dan hukuman berat yang lain. Selain itu, *desk review* juga meliputi laporan-laporan berkenaan kajian terdahulu tentang hukuman mati dan pemansuhannya di negara-negara lain dan juga kemungkinan pemansuhannya bagi negara-negara yang belum memansuhkannya. Senarai sumber *desk review* adalah seperti di **Lampiran B.**

1.3.2 Pandangan daripada pakar dalam sistem pengadilan jenayah khususnya berkaitan dengan hukuman mati

Tujuan pendekatan ini adalah bagi melibatkan seramai mungkin pakar rujuk yang berpengalaman, berkepentingan dan berminat dalam isu pemansuhan hukuman mati mandatori ini supaya dapatan yang dicapai oleh kajian ini adalah berdasarkan pandangan semua pihak dari pelbagai perspektif.

Proses mendapatkan pandangan pakar dimulakan dengan pengumpulan nama-nama pakar dalam bidang perundangan dan pengadilan. Soalan-soalan telah dirangka berkaitan dengan isu-isu di atas dan dihantar kepada 32 orang pakar perundangan di luar dan di dalam negara yang terlibat atau pernah terlibat dalam pengendalian kes-kes melibatkan hukuman mati. Jawapan-jawapan yang diperoleh daripada 20 orang pakar perundangan yang telah memberikan pandangan mereka telah dianalisa dan akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab 3. Senarai soalan-soalan dan pandangan pakar-pakar perundangan adalah seperti di **Lampiran C**.

1.3.3 Sesi *focus group discussion* (FGD)

Sesi *focus group discussion* (FGD) telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan perspektif mereka berkenaan dengan cadangan pemansuhan hukuman mati dan hukuman alternatif terhadap hukuman mati mandatori. Sebanyak

7 sesi FGD telah dilaksanakan sepanjang tempoh **9 Disember 2019 hingga 14 Januari 2020**, melibatkan pihak berkepentingan dan masyarakat umum. Perincian sesi FGD yang telah diadakan adalah seperti dalam **Jadual 1.1** yang berikut:

BIL.	TARIKH / WAKTU	KUMPULAN SASARAN / TEMPAT
1,	9 Disember 2019, 2.30 petang	Kementerian/Jabatan, Agensi Penguatkuasaan, BHEUU JPM, Putrajaya
2.	12 Disember 2019, 10.30 pagi	Badan Agamawan (Islam), Bilik Mesyuarat Perdana Aras 10 BHEUU JPM, Putrajaya
3.	12 Disember 2019, 2.30 petang	Badan Agamawan (Bukan Islam), Bilik Mesyuarat Perdana Aras 10 BHEUU JPM, Putrajaya
4.	13 Disember 2019, 9.00 pagi	Badan Bukan Kerajaan (CSO/NGO), Dewan Saksama, Aras 2 BHEUU JPM, Putrajaya
5.	16 Disember 2019, 2.30 petang	Keluarga Banduan Akhir, Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10 BHEUU JPM, Putrajaya
6.	17 Disember 2019, 10.00 pagi	Banduan Akhir, Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat Penjara Kajang
7.	14 Januari 2020, 3.00 petang	Keluarga Mangsa, Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10 BHEUU JPM, Putrajaya

Jadual 1.1: Perincian Sesi *Focus Group Discussion*

Dapatan sesi *FGD* ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3.

1.3.4 Sesi *town hall* dengan pelbagai pihak di peringkat akar umbi

Sebanyak **8 sesi** *town hall* telah diadakan dengan pelbagai pihak di pelbagai peringkat masyarakat. Di antara 8 sesi *town hall* tersebut, 6 sesi telah diadakan mengikut zon di 6 buah negeri di seluruh negara. Selain itu 2 sesi *town hall* telah diadakan bersama ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang. Sesi *town hall* melibatkan pihak berkepentingan dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas secara terus dan tepat. Perincian sesi *town hall* tersebut adalah seperti **Jadual 1.2** berikut:

BIL.	TARIKH / WAKTU	TEMPAT
1.	4 November 2019 2.30 petang	Dewan Mutiara A, Kompleks Tabung Haji, Seberang Perai Pulau Pinang
2.	11 November 2019 2.30 petang	Dewan Saksama, Aras 2 BHEUU JPM, Putrajaya
3.	14 November 2019, 10.30 pagi	Dewan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar Johor Bahru, Johor
4.	20 November 2019, 10.30 pagi	Bilik Melaka, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Sabah Kota Kinabalu, Sabah
5.	21 November 2019 10.30 pagi	Hotel Grand Continental Kuching, Sarawak

BIL.	TARIKH / WAKTU	TEMPAT
6.	28 November 2019, 10.30 pagi	Dewan Teratai, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Kota Bharu, Kelantan
7.	7 November 2019 1.00 petang	Bilik Jawatankuasa 1, Aras 2 Bangunan Parlimen Malaysia Kuala Lumpur
8.	21 Januari 2020 2.30 petang	Dewan Saksama, Aras 2 BHEUU JPM, Putrajaya

Jadual 1.2: Perincian Sesi *Town Hall*

1.3.5 Perjumpaan dengan keluarga banduan akhir

Perjumpaan ini bertujuan untuk mendengar pengalaman sebenar keluarga banduan akhir serta pandangan mereka mengenai pemansuhan hukuman mati. Sesi perjumpaan dengan keluarga banduan akhir telah diadakan pada 16 Disember 2019 dan seramai **45 orang** ahli keluarga mewakili seramai 42 orang banduan akhir telah hadir ke sesi perjumpaan tersebut. Dapatan pandangan yang telah dikemukakan oleh keluarga banduan akhir akan dibincangkan dalam Bab 3 dengan lebih terperinci.

1.3.6 Perjumpaan dengan keluarga mangsa

Perjumpaan dengan keluarga mangsa ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan mengenai cadangan Kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori dan

hukuman gantian yang wajar menggantikan hukuman mati mandatori selain meneliti pengalaman sebenar keluarga mangsa khususnya bagi kes jenayah berat seperti pembunuhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Sesi perjumpaan dengan keluarga mangsa telah diadakan pada 14 Januari 2020 dan seramai **9 orang** ahli keluarga termasuk peguam-peguam dan jurucakap keluarga hadir mewakili keluarga mangsa. Jawatankuasa Khas juga turut berpeluang berkomunikasi dengan 2 keluarga mangsa dari Kedah dan Taiwan melalui panggilan telefon.

1.3.7 Perjumpaan dengan banduan akhir

Jawatankuasa Khas turut mengadakan perjumpaan dengan **10 orang** banduan akhir termasuk 2 orang banduan akhir wanita pada 17 Disember 2019 di Penjara Kajang, Selangor. Banduan-banduan ini merupakan banduan akhir yang sedang menanti pelaksanaan hukuman mati bagi pelbagai kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori seperti pengedaran dadah, rompakan bersenjata api dan pembunuhan.

Sesi perjumpaan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan banduan akhir terhadap cadangan Kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori dan cadangan hukuman gantian yang sesuai untuk menggantikan hukuman mati mandatori.

Dapatan pandangan banduan-banduan ini akan dibincangkan dalam Bab 3 dengan lebih terperinci.

1.3.8 Soal selidik atas talian (*online public survey)*

Soal selidik atas talian (*online public survey*) telah diadakan untuk mendapatkan pandangan awam mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori dan cadangan hukuman alternatif. Borang soal selidik atas talian telah dibangunkan dan pautan borang diedarkan kepada semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum pada 24 Disember 2019. Pengumpulan pandangan awam melalui soal selidik atas talian ini dilaksanakan sehingga 15 Januari 2020 dan sebanyak **6,284** borang soal selidik atas talian yang lengkap telah diterima sehingga tempoh tersebut. Soalan-soalan soal selidik atas talian adalah seperti di **Lampiran D.**

BAB 2: KONTEKS PELAKSANAAN HUKUMAN MATI

2.1 Perspektif Hukuman Mati Mandatori Di Negara-Negara Lain

Pada ketika ini, sebanyak 142 buah negara telah memansuhkan hukuman mati sama ada dari aspek perundangan atau amalan. Daripada jumlah tersebut, 106 buah negara telah memansuhkan hukuman mati sepenuhnya untuk semua jenis kesalahan.

Secara umumnya, bilangan negara yang memansuhkan hukuman mati untuk semua jenis kesalahan telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Trend ini menunjukkan indikasi jelas bahawa semakin banyak negara di dunia yang ingin memansuhkan hukuman mati.

Pada masa kini, lebih daripada 70% negara di dunia telah memansuhkan hukuman mati sama ada dari aspek perundangan atau amalan dalam sistem perundangan, tradisi, budaya dan latar belakang agama. Perincian jumlah negara yang telah memansuhkan hukuman mati dan yang masih mengamalkan hukuman mati adalah seperti **Jadual 2.1** berikut:

KATEGORI	BILANGAN
Abolitionist for all crimes	106
Abolitionist for ordinary crimes	7
Abolitionist in practice	29
Retentionist countries	56
Total abolitionist in law or practice	142

Jadual 2.1: Jumlah Negara Yang Telah Memansuhkan Hukuman Mati Dan Yang Masih Mengamalkan Hukuman Mati

2.1.1 Pandangan berkenaan dengan hukuman mati dari sudut hak asasi manusia

Menyelusuri sejarah dan keadaan semasa, hukuman mati mandatori di Malaysia masih dianggap penting oleh masyarakat yang berpandangan pelaksanaan hukuman mati sebagai pencegahan dan cara untuk mencapai keadilan dan balasan.

Malaysia tetap menjadi salah satu daripada 56 buah negara yang mengekalkan hukuman mati, termasuklah untuk kesalahan yang mungkin tidak mencapai piawaian kesalahan paling serius seperti mana takrifan antarabangsa.

Walaupun hukuman mati tidak dilarang di bawah undang-undang antarabangsa, iaitu Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (*International Covenent for Civil and Political Rights - ICCPR*), hukuman mati hanya boleh dilaksanakan di dalam

keadaan yang tertentu sahaja. Sekatan untuk melaksanakan hukuman mati hanya untuk jenayah paling serius ada dinyatakan di dalam Perkara 6(2) ICCPR: "*Di negara yang belum memansuhkan hukuman mati, hukuman mati hanya boleh dijatuhkan bagi jenayah yang serius selaras dengan undang-undang berkenaan pada masa kesalahan tersebut dilakukan dan tidak bertentangan dengan peruntukan di dalam kovenan ini dan dengan Konvensyen Mengenai Pencegahan dan Hukuman Bagi Kesalahan Genosid. Hukuman ini hanya boleh dilaksanakan berdasarkan keputusan terakhir yang dijatuhkan oleh Mahkamah yang cekap dan adil.*"

Pada ketika ini, Malaysia bukanlah negara ahli ICCPR. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) turut meratifikasi satu Panduan Jaminan Perlindungan Hak Bagi Mereka yang akan Menghadapi Hukuman Mati. Panduan ini disahkan oleh Majlis Resolusi Ekonomi dan Sosial 1984/50 pada 25 Mei 1984 yang menyatakan bahawa:

"*Di dalam negara-negara yang masih belum memansuhkan hukuman mati, hukuman ini hanya boleh dijatuhkan untuk* ***jenayah yang paling serius****, iaitu boleh difahami bahawa* ***skopnya harus tidak melampaui batas jenayah-jenayah antarabangsa yang membawa maut atau kesan-kesan lain yang amat serius***."

Jawatankuasa Hak-Hak Asasi Manusia, suatu badan yang bertanggungjawab untuk memberikan tafsiran terhadap ICCPR telah menekankan bahawa kesalahan melibatkan dadah tidak menepati piawaian jenayah yang paling serius dan hanya jenayah yang menyebabkan kematian dengan niat dianggap sebagai "paling serius".

2.1.2 Perbandingan pelaksanaan dan pemansuhan hukuman mati di negara-negara lain

Perbandingan pelaksanaan hukuman mati di beberapa buah negara telah dilaksanakan. Antara negara yang telah dikenalpasti adalah Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Hong Kong, United Kingdom, New Zealand dan negara-negara di Asia Tenggara.

Pelaksanaan hukuman mati telah dimansuhkan bagi kesemua kesalahan di semua negara tersebut di atas kecuali Amerika Syarikat di mana terdapat beberapa buah negeri yang masih melaksanakan hukuman mati. Sebagai contoh, apabila New York memansuhkan pelaksanaan hukuman mati, mereka menggunakan Garis Panduan Hukuman untuk menghukum pesalah-pesalah setimpal dengan jenis kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Secara umumnya, hukuman mati digantikan dengan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat bagi

kesalahan-kesalahan yang melibatkan pembunuhan, pengkhianatan kepada negara yang menyebabkan kematian serta pengambilan tebusan yang melibatkan kematian. Manakala bagi kesalahan-kesalahan yang tidak melibatkan kematian, jenis hukuman adalah bergantung pada keseriusan (*severity*) kesalahan-kesalahan tersebut. Analisa perbandingan pelaksanaan dan pemansuhan hukuman mati di negara-negara lain seperti di **Lampiran E**.

Analisa perbandingan di antara negara-negara Asia Tenggara terhadap hukuman mati dan jenis hukuman juga telah dilaksanakan. Negara-negara yang telah dikaji ialah Singapura, Laos, Kemboja, Brunei, Thailand, Myanmar, Filipina, dan Indonesia. Di kalangan negara-negara Asia Tenggara, hanya Kemboja dan Filipina masing-masing pada tahun 1989 dan 2007 yang telah memansuhkan hukuman mati untuk semua jenis kesalahan.

Myanmar dianggap negara *de facto abolitionist* kerana masih mengekalkan hukuman mati dalam undang-undang sedia ada namun tidak lagi melaksanakan hukuman mati ke atas banduan yang dijatuhi hukuman tersebut. Sejak tahun 2014, Myanmar telah melaksanakan hukuman pemenjaraan seumur hidup sebagai hukuman gantian terhadap hukuman mati. Selain Myanmar, Laos dan Brunei juga dianggap negara

de facto abolitionist kerana pelaksanaan hukuman mati terakhir di Brunei adalah pada tahun 1957 dan di Laos pada tahun 1989. Namun, hakim masih terus menjatuhkan hukuman mati ke atas banduan di Brunei dan Myanmar. **Jadual 2.2** menunjukkan status dan cara pelaksanaan hukuman mati di negara-negara Asia Tenggara. Analisa perbandingan hukuman mati di negara-negara Asia Tenggara ini adalah seperti di **Lampiran F**.

Negara	***Status***	**Kaedah Pelaksanaan**
Brunei	*De facto abolitionist*	Gantung sehingga mati
Laos	*De facto abolitionist*	Skuad tembak
Myanmar	*De facto abolitionist*	Gantung sehingga mati
Singapura	*Retentionist*	Gantung sehingga mati
Indonesia	*Retentionist*	Skuad tembak
Vietnam	*Retentionist*	Suntikan maut
Malaysia	*Retentionist*	Gantung sehingga mati
Thailand	*Retentionist*	Suntikan maut

Jadual 2.2 : Maklumat Berkenaan Dengan Status Hukuman Mati Di Negara Di Asia Tenggara 2018[1].

2.2 Pelaksanaan Hukuman Mati Mandatori Di Malaysia

2.2.1 Kerangka perundangan semasa berkaitan dengan pelaksanaan hukuman mati

[1] Source: https://deathpenaltyinfo.org/policy-issues/international/abolitionist-and-retentionist-countries

Di Malaysia, terdapat 33 jenis kesalahan di dalam 8 Akta yang boleh dijatuhkan hukuman mati. 12 daripada 33 jenis kesalahan tersebut merupakan kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati mandatori seperti di **Lampiran G**.

Pelaksanaan hukuman mati di Malaysia dilaksanakan melalui kaedah gantung. Seksyen 277 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] menjelaskan bahawa "*apabila mana-mana individu dijatuhkan hukuman mati, hukuman harus mengarahkan dia digantung di leher sehingga mati, tetapi tidak menyatakan tempat dan masa hukuman patut dilaksanakan*".

2.2.2 Kategori-kategori individu yang dilarang dijatuhi hukuman mati

Di dalam undang-undang Malaysia, hukuman mati tidak boleh dilaksanakan terhadap kumpulan individu yang berikut:

(i) Wanita hamil

Seksyen 275 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] menjelaskan bahawa:

"*Apabila seseorang wanita disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum mati dan didapati sedang mengandung, atau jika Mahkamah yang*

mensabitkan kesalahan ke atas wanita itu berpendapat perlu, Mahkamah hendaklah mengarahkan seorang atau lebih ahli perubatan supaya bersumpah untuk memeriksa wanita itu di tempat sulit dan memastikan sama ada dia mengandung atau tidak, dan jika laporan menunjukkan wanita itu mengandung hukuman yang dijatuhkan ke atasnya ialah pemenjaraan seumur hidup sebagai ganti hukuman mati".

(ii) Kanak-kanak

Menurut sekyen 97 Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*],

"(1) Hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.

(2) Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh:

(a) Yang di-Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau

(b) *Raja atau Yang di-Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu*."

Seksyen 97(2) Akta 611 turut memperuntukkan bahawa sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu.

(iii)Tahanan Tidak Sempurna Akal

Seksyen 340 hingga seksyen 351 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] memperuntukkan tatacara yang jelas kepada Jabatan/Agensi yang berkaitan untuk mengendalikan tahanan tidak sempurna akal, iaitu tertuduh yang disabitkan kesalahan tetapi mengalami masalah mental dari peringkat setelah sabitan, penempatan di hospital psikiatri hingga pembebasan dengan jaminan keluarga. Seksyen-seksyen tersebut turut memperuntukkan peranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri untuk mempertimbangkan pembebasan sementara atau

penempatan di hospital psikiatri sepanjang tempoh perbicaraan.

2.2.3 Hak mendapat pengampunan melalui Lembaga Pengampunan Negeri

Di bawah Perkara 42(1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan lain yang dilakukan di dalam Negerinya.

Dalam konteks ini, pertimbangan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri terhadap permohonan pengampunan diberikan berdasarkan nasihat daripada Lembaga Pengampunan yang telah meneliti dokumen-dokumen sokongan termasuk pendapat bertulis Peguam Negara. Terdapat 4 kategori permohonan pengampunan yang dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan iaitu:

(i) petisyen pengampunan di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 melibatkan

banduan hukuman mati yang boleh dibuat pada bila-bila masa;

(ii) petisyen pengampunan di bawah Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 yang boleh dikemukakan setiap 2 tahun sekali dengan syarat telah menjalani tempoh pemenjaraan sekurang-kurangnya 3 tahun dari tarikh sabitan;

(iii) Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali (KHETS) yang memperuntukkan banduan layak dipertimbangkan pengampunan setiap 4 tahun sekali iaitu mulai tahun ke-4, ke-8, ke-12 dan tahun ke-16 dan setiap tahun selepas itu; dan

(iv) pengampunan penuh di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

2.2.4 Kedudukan pelaksanaan hukuman mati mandatori di Malaysia (termasuk statistik pelaksanaan hukuman mati)

Pelaksanaan hukuman mati mandatori di Malaysia bagi tempoh 2010 hingga 2019 adalah seperti di **Jadual 2.3** berikut:

Tahun	Laksana Hukuman			Jumlah
	39B Akta Dadah Berbahaya	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Seksyen 3 Akta Senjata Api	
2010	0	1	0	1
2011	0	0	0	0
2012	0	0	0	0
2013	1	1	1	3
2014	0	6	0	6
2015	0	1	0	1
2016	0	8	1	9
2017	0	11	1	12
2018	0	1	0	1
2019	0	0	0	0
JUMLAH	**1**	**29**	**3**	**33**

Jadual 2.3 : Statistik Pelaksanaan Hukuman Mati (sehingga 14 Oktober 2019)

Secara keseluruhannya bilangan banduan mengikut sama ada wargenegara atau bukan warganegara untuk 11 kesalahan adalah seperti dalam **Jadual 2.4** di bawah:

WARGANEGARA / BANGSA	KESALAHAN							
	SEK. 302 KK	SEK 39B ADB	SEK. 121 KK	SEK 3 & 7 ASA	SEK. 3 A. CULIK	SEK 396 KK	SEK. 57(1)(a) ISA	JUMLAH
Warganegara Malaysia	271	462	0	15	4	2	0	**754**
Bukan Warganegara	83	456	8	1	2	0	1	**551**
Jumlah	354	918	8	16	6	2	1	**1,305**

Jadual 2.4: Statistik Banduan Hukuman Mati mengikut Warganegara dan Bangsa (sehingga 31 Januari 2020)

Perincian keseluruhan bilangan banduan hukuman mati berdasarkan kewarganegaraan adalah seperti dalam **Lampiran H** manakala statistik banduan hukuman mati berdasarkan rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri adalah seperti di **Lampiran I.**

2.2.5 Keputusan-keputusan Kerajaan berkaitan hukuman mati

(i) Keputusan Kerajaan pada tahun 2012 dan 2013 mengenai pemansuhan hukuman mati untuk sekyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*]

Mesyuarat Jemaah Menteri pada **2 November 2012** telah bersetuju agar kajian pemansuhan hukuman mati mandatori terhadap pesalah dadah di bawah sekyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dilaksanakan.

Selanjutnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada **18 Disember 2013** telah bersetuju untuk mengekalkan keputusan Jemaah Menteri pada 2 November 2012. Selain itu, moratorium pelaksanaan hukuman mati untuk semua pesalah dadah di bawah sekyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] telah dimulakan. Selaras dengan keputusan ini, Jabatan Peguam

Negara perlu membentangkan hasil kajian mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori dengan mengambil kira sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan yang perlu diadakan. Pindaan kepada peruntukan sekyen 39B Akta 234 melalui Akta A1558 berkuatkuasa mulai 29 Disember 2017.

(ii) Laporan kajian mengenai *The Death Penalty in Malaysia and The Way Forward: A Review of The Death Penalty Laws and Practices in Malaysia* oleh Profesor Roger Hood, *International Centre for Laws & Legal Studies (I-CeLLS)*

Suatu kajian mengenai isu hukuman mati di Malaysia telah dilaksanakan oleh ***International Centre for Laws & Legal Studies (I-CeLLS),*** sebuah organisasi di bawah Jabatan Peguam Negara pada tahun 2014 yang melantik Profesor Roger Hood, pakar perundangan terkemuka daripada Universiti Oxford untuk menjalankan kajian tersebut. Kajian tersebut bersifat menyeluruh *(holistic)* dan progresif serta mengandungi cadangan-cadangan yang bernas serta konsisten dengan prinsip-prinsip dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Kajian tersebut telah

meneliti dan memberi fokus kepada perkara-perkara yang berikut:

(a) Undang-undang dan amalan yang memperuntukkan hukuman mati di Malaysia;

(b) kerangka perundangan, latar belakang sejarah dan rasional terhadap penetapan kesalahan yang diperuntukkan hukuman mati;

(c) analisa terhadap kerangka perundangan sedia ada di Malaysia berkaitan dengan hukuman mati dan perbandingan dengan norma hak asasi manusia, konvensyen dan amalan di peringkat antarabangsa; dan

(d) isu-isu pelaksanaan hukuman mati seperti mekanisme lembaga pengampunan, pencegahan dan kuasa budi bicara Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati.

Antara syor kajian adalah supaya hukuman mati di Malaysia dimansuhkan sama sekali. Antara justifikasi yang telah dipertimbangkan dalam memansuhkan hukuman mati adalah seperti yang berikut:

(a) hukuman mati bukan langkah pencegahan yang terbaik. Ini kerana keberkesanan hukuman mati sebagai suatu bentuk pencegahan tidak dapat dipastikan memandangkan terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi bilangan pendakwaan atau kadar jenayah;

(b) hukuman mati tidak boleh diperbaiki atau dipulihkan. Terdapat risiko sabitan salah menyebabkan hukuman mati dilaksanakan terhadap individu yang tidak bersalah, sebagai contoh, orang yang dituduh disabitkan dengan kesalahan bunuh berdasarkan keterangan palsu yang diberikan oleh saksi utama. Walaupun sabitan terhadap tertuduh diketepikan kerana keterangan palsu tersebut, kes tersebut menunjukkan orang yang tidak bersalah boleh dikenakan hukuman mati; dan

(c) Malaysia sebagai sebuah negara yang berhasrat untuk mematuhi norma hak asasi manusia antarabangsa seharusnya menerima hasrat untuk memansuhkan hukuman mati secara keseluruhannya.

2.2.6 Fokus kajian dan kerangka perundangan berkaitan

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri dan Terma Rujukan yang telah ditetapkan oleh Jemaah Menteri, kajian ini akan memberi fokus kepada 9 kesalahan dalam Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan 2 kesalahan dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*] yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Khas berpandangan bahawa 1 kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] akan turut dipertimbangkan dalam kajian ini.

Perincian kesalahan-kesalahan ini adalah seperti di **Jadual 2.5** berikut:

Akta	Seksyen	Kesalahan
Kanun Keseksaan [*Akta 574*]	121A	Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
	130C	Melakukan perbuatan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
	130I	Mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
	130N	Memberikan atau mengumpul harta untuk perbuatan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.

Akta	Seksyen	Kesalahan
	130O	Memberikan perkhidmatan bagi tujuan pengganas, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
	130QA	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
	130ZB	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang, sekiranya perbuatan tersebut mengakibatkan kematian.
	302	Seksaan bagi kesalahan bunuh yang diperuntukkan di bawah seksyen 300.
	374A	Mengambil tebusan.
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*]	3	Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual.
	3A	Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api.
Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*]	39B	Mengedar dadah berbahaya.

Jadual 2.5: Kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori

BAB 3: DAPATAN KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang masih mengekalkan hukuman mati mandatori. Justeru, pelaksanaan dan dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar berkenaan isu pemansuhan hukuman mati mandatori ini kepada masyarakat umum.

Sehubungan itu, pandangan awam berkenaan isu tersebut telah diperolehi melalui sesi libat urus bersama orang awam, pihak berkepentingan dan pakar-pakar perundangan. Beberapa kaedah telah digunakan bagi tujuan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak sepertimana dinyatakan dalam Bab 2. Antara kaedah yang digunakan adalah sesi *town hall, focus group discussion* (FGD) dan soal selidik atas talian (*online public survey*).

3.1 Dapatan Sesi *Town Hall* Berdasarkan Kepada Isu-Isu Berbangkit

Sebanyak 8 sesi *town hall* dilaksanakan, di mana 6 antaranya meliputi pelbagai zon di seluruh Malaysia dan 2 dalam kalangan Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang. Berikut adalah analisa dan dapatan dari pandangan-pandangan yang diperolehi dalam 8 sesi *town hall* tersebut mengikut isu-isu yang dibangkitkan:

(i) Pandangan awam terhadap pemansuhan hukuman mati mandatori

Pada keseluruhannya pandangan yang telah dikemukakan oleh mereka yang menghadiri sesi *town hall* ini boleh dibahagikan kepada 3 kumpulan seperti berikut:

(a) Menyokong pemansuhan hukuman mati mandatori namun hukuman mati masih perlu dikekalkan bagi kesalahan-kesalahan yang kejam seperti pembunuhan terancang dan pembunuhan tebusan, keganasan kepada kanak-kanak, melibatkan kematian dengan menggunakan senjata api, pengkhianatan, penderhakaan kepada institusi diraja dan aktiviti pengganas.

(b) Tidak menyokong pemansuhan hukuman mati mandatori kerana hukuman ini masih relevan di negara ini terutamanya bagi kes-kes jenayah kejam dan tidak berperikemanusiaan.

(c) Berpandangan bahawa hukuman mati perlu dimansuhkan secara keseluruhan kerana Kerajaan tidak mempunyai kuasa mahupun melalui peruntukan undang-undang untuk mengambil nyawa seseorang. Ini juga adalah selaras dengan prinsip hak asasi manusia, konvensyen dan amalan di peringkat antarabangsa.

Terdapat juga cadangan bahawa pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan secara ke belakang.

Terdapat pelbagai sebab yang telah diberikan masing-masing untuk menyokong pandangan dan pendapat mereka.

Selain itu, terdapat juga pandangan bahawa hukuman yang dikenakan sebagai alternatif perlulah setimpal dengan kesalahan dan jenayah yang dilakukan. Dalam hal ini, pertimbangan untuk menjatuhkan hukuman mati perlu dibuat berdasarkan fakta kes dan jenis kesalahan yang dilakukan, sekiranya wujud elemen kekerasan dan kezaliman.

Ada yang berpendapat bahawa sekiranya hukuman mati dimansuhkan, ianya akan menyebabkan *incongruity* hukuman antara jenayah-jenayah lain dengan jenayah yang sangat kejam.

Terdapat juga pandangan bahawa hukuman mati mandatori masih relevan sebagai satu mekanisme pencegahan terhadap mereka yang hendak melakukan jenayah yang kejam dan ganas. Dengan pemansuhan hukuman mati mandatori ini, terdapat kebimbangan bahawa indeks jenayah di negara kita akan terus meningkat terutamanya jenayah seperti penculikan, rompakan dan pembunuhan.

Ada juga di antara mereka yang menyatakan bahawa hukuman mati mandatori tidak mempunyai unsur pencegahan kerana jumlah jenayah masih terus meningkat walaupun terdapat hukuman mati mandatori.

Bagi kes pengedaran dadah, sesetengah pihak berpandangan bahawa hukuman mati mandatori perlu dikekalkan kerana dadah merupakan musuh nombor satu negara. Walau bagaimanapun, ada yang berpandangan bagi pengedar utama, hukuman ini masih perlu dikekalkan. Namun bagi mereka yang menjadi keldai dadah, hukuman perlu diringankan dan dikenakan berdasarkan jumlah dadah yang dibawa. Ada pula yang menyatakan bahawa hukuman mati bagi semua kes pengedaran dadah perlu dimansuhkan sama sekali.

Terdapat pandangan bahawa Mahkamah perlu melihat latar belakang setiap banduan sebelum menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka. Ini adalah kerana setiap individu adalah berbeza dan ada yang masih muda dan melakukan sesuatu jenayah secara paksa, didesak, didorong atau mempunyai kekangan kewangan.

Terdapat juga pandangan bahawa wujud risiko pelaksanaan hukuman mati mandatori terhadap mereka yang tidak bersalah oleh Mahkamah, yang membawa kepada kesan yang tidak dapat ditarik balik. Oleh yang demikian, adalah wajar jika hukuman mati dimansuhkan

sama sekali untuk menangani masalah kekhilafan yang mungkin timbul.

(ii) Cadangan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori

Terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh para hadirin sesi *town hall* antaranya adalah seperti berikut:

a) pemenjaraan selama hayat tanpa parol;
b) pemenjaraan seumur hidup iaitu selama 30 tahun dengan parol/ tanpa parol (berdasarkan dan keseriusan fakta kes);
c) sebatan;
d) buruh paksa;
e) jika hukuman mati mandatori dimansuhkan seseorang tidak diberi peluang untuk mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pengampunan;
f) denda;
g) membayar pampasan kepada keluarga mangsa;
h) banduan-banduan perlu bekerja untuk menampung diri mereka dipenjara supaya Kerajaan tidak dibebankan dengan kos operasi banduan; dan
i) banduan-banduan ini perlu dibuang negara dan tidak diiktiraf sebagai rakyat Malaysia.

Terdapat pandangan dan cadangan bahawa jika kesalahan tersebut melibatkan kehilangan nyawa, hukuman mati boleh dikenakan tetapi jika ia tidak

melibatkan kehilangan nyawa hukuman yang lebih ringan patut dikenakan mengikut fakta kes.

Terdapat cadangan supaya pemenjaraan seumur hayat dikenakan kepada mereka yang merupakan dalang dalam merancang kegiatan serta bersubahat dalam melaksanakan jenayah yang ganas dan kejam.

Bagi jenayah yang melibatkan penculikan tanpa kematian namun telah menyebabkan kecederaan serta trauma yang serius kepada mangsa, terdapat pandangan dan cadangan supaya hukuman pemenjaraan sepanjang hayat tanpa parol perlu dilaksanakan. Hukuman yang sama juga perlu diberikan kepada pesalah yang melakukan jenayah melepaskan tembakan menggunakan senjata api walaupun tidak menyebabkan sebarang kehilangan nyawa.

Terdapat pandangan bahawa suatu fasiliti dan kemudahan khas perlu dibangunkan untuk mengasingkan banduan-banduan hukuman mati ini. Melalui pengasingan tersebut, hak-hak banduan akan dihadkan dengan fasiliti yang paling minimum, contohnya tempat tahanan tanpa tingkap. Ini akan memberi gambaran menggerunkan kepada masyarakat awam dan membawa kesan pencegahan yang sama seperti hukuman mati mandatori.

Terdapat juga pandangan bahawa pelaksanaan hukuman gantung atau sebatan harus dijalankan di tempat awam

bagi memberikan pengajaran kepada orang awam mengenai keseriusan jenayah tersebut.

Mengikut pandangan sesetengah pihak, hukuman mati tidak dapat diterima kerana ia tidak selaras dengan konvensyen antarabangsa. Dalam konteks ini, jenayah seperti *genocide* dan *mass murder* dikategorikan sebagai jenayah paling berat yang mana hukuman yang paling berat adalah hukuman pemenjaraan selama 30 tahun.

Terdapat pandangan bahawa pemenjaraan sepanjang hayat adalah masih tidak berperikemanusiaan kerana ia tidak memberi peluang kedua untuk penjenayah kembali ke pangkal jalan. Oleh itu, pemenjaraan sepanjang hayat tidak seharusnya menjadi suatu hukuman gantian dan hukuman pemenjaraan yang dikenakan perlu ada satu had tempoh tertentu.

Terdapat juga cadangan supaya satu garis panduan penghukuman disediakan bagi tujuan membantu hakim-hakim dalam membuat keputusan mengikut budi bicara mereka. Ini juga dapat memastikan tidak wujud ketidakseragaman dalam penghukuman yang dikenakan mengikut kesalahan dan hukuman adalah setimpal dengan kesalahan.

Terdapat pandangan supaya sistem juri diwujudkan semula untuk kes-kes yang melibatkan hukuman mati sahaja dan bagi hukuman yang tidak melibatkan hukuman

mati, sistem pengadilan yang sedia ada boleh terus digunakan.

(iii)Konsep *restorative justice* dan pemulihan banduan

Terdapat pandangan bahawa Kerajaan perlu beralih daripada *criminal justice* kepada *community justice.* Ini termasuk memberi sesi kaunseling kepada banduan-banduan yang bersifat pemulihan.

Terdapat pandangan bahawa banduan-banduan ini perlu diberi peluang kedua. Jika hukuman mati dijatuhkan, seseorang akan hilang peluang untuk menjadi manusia yang dapat menyumbang kepada masyarakat. Program pemulihan ataupun pendidikan sivik perlu diadakan bagi membantu pesalah-pesalah ini untuk memulihkan semula akhlak dan jati diri mereka. Pemulihan dari segi agama ada diterapkan namun tiada pemulihan dari segi vokasional diberikan atas faktor keselamatan dan potensi banduan untuk membunuh diri mereka. Oleh itu, dicadangkan pemulihan vokasional juga diterapkan supaya mereka dapat menyara hidup dengan kemahiran tertentu apabila dibebaskan dari penjara.

Selain daripada itu, Kerajaan juga perlu melihat kemungkinan berlaku penjenayah berulang (*recidivism)* di kalangan penjenayah-penjenayah untuk memahami

sama ada mereka akan mengulangi kesalahan-kesalahan tersebut.

Terdapat juga pandangan bahawa tempoh pemenjaraan yang begitu panjang tidak akan memberi sebarang impak kepada banduan-banduan ini. Justeru, sistem *restorative* dan pemulihan wajar diberi keutamaan untuk banduan-banduan tersebut.

Selain itu, ada yang berpandangan bahawa peluang pemulihan perlu diberikan kepada banduan muda supaya mereka dapat diintegrasi semula dengan masyarakat.

Terdapat juga pandangan agar dibangunkan satu institusi pemulihan mental khas untuk banduan-banduan.

(iv) Pendekatan syariah bagi kesalahan membunuh

Pada keseluruhannya terdapat pandangan bahawa hukuman mati perlu dikekalkan daripada perspektif Islam. Penetapan hukuman mati adalah bersesuaian dengan konsep *maqasid* syariah dalam sistem perundangan Islam yang memberi penekanan terhadap kepentingan penjagaan serta perlindungan nyawa. Ini adalah selaras dengan konsep *hudud, qisas* dan *ta'zir* yang digunakan bagi mengekang gejala jenayah daripada berleluasa.

Terdapat pandangan bahawa untuk menjatuhkan hukuman mati beban pembuktian yang amat tinggi diperlukan. Terdapat pandangan juga supaya kes-kes hukuman mati perlu didengar dengan cepat kerana tempoh pemenjaraan yang panjang akan memberikan kesusahan kepada keluarga banduan terutama sekali dalam tuntutan *fasakh*.

Dapatan daripada sesi *town hall* turut menyentuh perspektif Islam dalam memberi kemaafan dan pembayaran *diyyat* kepada keluarga mangsa yang terkesan dengan tindakan penjenayah. Ia juga dapat membantu mereka meneruskan kehidupan sebagaimana yang lain.

Konsep pembayaran *diyyat* menjelaskan bahawa walaupun keluarga mangsa telah memaafkan pesalah akan tetapi masih lagi mahu meneruskan dengan hukuman mati ke atas pesalah maka dalam sistem perundangan Islam, seseorang hakim perlu menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Sekiranya tiada kemaafan diberikan oleh keluarga mangsa, maka hukuman mati akan dilaksanakan secara automatik. Oleh yang demikian, mengikut perspektif Islam, kuasa pengampunan kepada pembunuh tidak diletakkan di bawah kuasa Yang Di-Pertuan Agong atau Kerajaan akan tetapi kepada keluarga mangsa.

Walau bagaimanapun terdapat pandangan bahawa konsep pembayaran *diyyat* hanya mampu dilunaskan oleh golongan yang berada sahaja dan ia tidak akan membantu semua golongan masyarakat. Oleh yang demikian, ia merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap golongan yang kurang berkemampuan.

(v) Implikasi kewangan kepada negara

Secara keseluruhannya terdapat pandangan bahawa jika hukuman mati mandatori dimansuhkan ia akan meningkatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan. Ini dilihat sebagai suatu beban tambahan kepada Kerajaan dalam menampung pelbagai kos termasuk kos pengurusan banduan, kos pembinaan fasiliti untuk menampung banduan serta kos sumber manusia bagi menyokong jumlah banduan yang meningkat. Ini secara tidak langsung akan memberi impak negatif terhadap ekonomi negara kita.

Terdapat pandangan bahawa kos yang digunakan bagi tujuan menampung banduan di dalam penjara boleh disalurkan untuk tujuan sosial lain yang memberi lebih manfaat kepada rakyat seperti kesihatan, pendidikan dan infrastruktur.

Sehubungan itu, terdapat pandangan supaya banduan ini dikerah untuk bekerja sebagai salah satu hukuman

gantian bagi menjana pendapatan demi menampung kos sara hidup mereka di penjara.

(vi) Impak sosial terhadap generasi muda, keluarga yang terkesan

Berdasarkan kepada kajian ini, hukuman mati tidak dapat mencegah jenayah berat daripada terus berleluasa. Justeru terdapat pandangan yang mencadangkan agar perhatian khusus diberikan kepada keluarga pesalah hukuman mati ini yang turut terkesan daripada perbuatan mereka.

Oleh demikian, terdapat cadangan supaya suatu sistem sokongan perlu diwujudkan bagi tujuan mengurangkan kesan ini. Pada masa yang sama, bantuan kewangan juga perlu dipanjangkan kepada keluarga pesalah bagi membolehkan mereka dapat meneruskan kehidupan seharian. Selain itu, terdapat cadangan supaya pendidikan awal mengenai jenayah dan kesannya diterapkan melalui kurikulum sekolah kepada generasi muda.

(vii) Isu-isu lain yang telah dibangkitkan

Beban pembuktian perlu ditingkatkan bagi memastikan hukuman mati dijatuhkan kepada mereka yang kesalahannya telah dibuktikan tanpa keraguan. Terdapat pandangan dan cadangan supaya beban pembuktian

tanpa keraguan munasabah ditingkatkan kepada tanpa sebarang keraguan.

Terdapat pandangan bahawa semua tertuduh perlu diberi akses kepada sistem keadilan termasuk memberinya hak pembelaan yang terbaik. Ini adalah supaya mereka mendapat hak untuk didengar sebelum sebarang keputusan dijatuhkan oleh Mahkamah.

Terdapat pandangan dan cadangan supaya ahli-ahli Lembaga Pengampunan terdiri daripada mereka yang berwibawa. Selain itu, terdapat pandangan supaya ruang disediakan untuk keluarga banduan atau mangsa dipanggil untuk ditemu bual oleh Lembaga Pengampunan sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

3.2 Dapatan Sesi *Focus Group Discussion* (FGD)

Sepertimana dinyatakan dalam Bab 1, beberapa sesi FGD telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti berikut:

(i) Agensi Kerajaan yang terdiri daripada pihak penguatkuasa;
(ii) Kumpulan Agamawan
    (a) pandangan agama Islam; dan
    (b) pandangan agama-agama lain di Malaysia.
(iii) Kumpulan CSO dan NGO's.

i. Agensi Kerajaan yang terdiri daripada pihak penguatkuasa

a) Pandangan sama ada hukuman mati mandatori perlu dimansuhkan atau tidak dan sama ada hukuman mati masih relevan

Secara keseluruhannya agensi Kerajaan yang menghadiri sesi FGD ini berpandangan bahawa hukuman mati adalah relevan dan perlu dikekalkan. Pandangan mereka disokong dengan hujahan bahawa hukuman mati merupakan mekanisme pencegahan kepada jenayah-jenayah yang kejam dan ganas. Polis Diraja Malaysia (PDRM) menegaskan bahawa hukuman yang tidak berat boleh menyebabkan berlakunya jenayah yang lebih serius. Sebagai contoh, seseorang penagih syabu boleh melakukan jenayah merogol dan membunuh akibat daripada kesan penagihannya. Dengan erti kata lain, jenayah yang dikaitkan dengan dadah akan berisiko mengakibatkan jenayah yang lebih serius.

Walau bagaimanapun, kebanyakan wakil dari Agensi Kerajaan terutamanya Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah berpandangan bahawa mereka bersetuju dengan cadangan Kerajaan memandangkan ini merupakan arahan pihak

eksekutif dan polisi semasa Kerajaan. Oleh yang demikian, terdapat persetujuan dengan cadangan pemansuhan hukuman mati mandatori dan hukuman tersebut seharusnya tertakluk pada budi bicara Mahkamah.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) juga turut bersetuju dengan cadangan Kerajaan, namun pandangannya lebih memfokus kepada pemulihan di kalangan penagih-penagih dadah.

Walaupun Jabatan Penjara Malaysia bersetuju dengan cadangan Kerajaan, Jabatan tersebut menarik perhatian terhadap jumlah banduan hukuman mati yang akan bertambah disebabkan oleh moratorium terhadap pelaksanaan hukuman mati di Malaysia dan apabila hukuman mati mandatori dimansuhkan. Bagi kes-kes dadah, pelaksanaan hukuman mati terakhir adalah pada tahun 2013 manakala bagi kes pembunuhan pelaksanaan terakhir adalah pada tahun 2018.

b) Apakah hukuman gantian jika hukuman mati mandatori dimansuhkan dan adakah Mahkamah perlu diberi kuasa budi bicara?

Pandangan daripada semua pihak yang berkaitan adalah seperti yang berikut:

(i) pemenjaraan sepanjang hayat bagi kesalahan sangat kejam;
(ii) pemenjaraan seumur hidup (30 tahun); dan
(iii) cadangan sebatan masih dikekalkan jika hukuman mati mandatori dimansuhkan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpandangan bahawa jika hukuman mati mandatori dimansuhkan dan hukuman gantian yang diberikan adalah tertakluk kepada budi bicara Mahkamah, hukuman tersebut seharusnya bergantung pada keseriusan jenayah yang dilakukan. Sekiranya hukuman mati mandatori pada asalnya diperuntukkan di dalam akta yang sedia ada, ia perlu digantikan dengan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat atau pemenjaraan seumur hidup mengikut fakta kes.

Terdapat juga pandangan bahawa setiap kes perlu dilihat mengikut keunikan kes tersebut. Sebagai contoh, PDRM mencadangkan bagi kes-kes pengedaran dadah yang kurang serius, kes tersebut perlu melalui proses semakan semula. Oleh yang demikian, Kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan satu mekanisme untuk kes-kes yang kurang serius ini.

PDRM turut berpandangan bagi kesalahan di bawah seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*] hukuman mati dikekalkan sama ada

ia menyebabkan kematian atau tidak. Wakil PDRM menyatakan bahawa ini merupakan satu kesalahan yang besar terutamanya apabila tembakan dilepaskan dengan sengaja.

KDN juga berpandangan sebatan perlu dijadikan sebagai hukuman tambahan kepada pemansuhan hukuman mati mandatori. PDRM juga bersetuju dengan pandangan ini. Hukuman sebatan mampu memberi mesej kepada orang awam tentang keseriusan jenayah-jenayah yang berat. Menurut pengalaman Jabatan Penjara Malaysia, banduan yang pernah dikenakan hukuman sebatan kerana melakukan kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] atau di bawah Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*], berkemungkinan tidak akan mengulangi kesalahan yang sama.

c) *Restorative justice* dan pemulihan banduan

Terdapat pandangan daripada AADK bahawa bagi pesalah-pesalah dadah, pemulihan alternatif harus dipertimbangkan. Jabatan Penjara Malaysia berpandangan bahawa daripada petisyen yang diberikan oleh banduan sememangnya ada yang menunjukkan keinsafan. Ini terbukti apabila banduan tersebut dibebaskan oleh Lembaga Pengampunan, tiada rekod yang menunjukkan mereka mengulangi ataupun melakukan jenayah semula.

d) Implikasi Kos kepada Kerajaan

Terdapat pandangan bahawa dengan pemansuhan hukuman mati mandatori, kos operasi dan pengurusan banduan di penjara akan meningkat. Menurut Jabatan Penjara Malaysia, pelaksanaan moratorium telah menyebabkan peningkatan kos kerana hukuman mati telah dihentikan. Tambahan pula, Mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati terhadap pesalah dalam tempoh moratorium ini.

Jabatan Penjara Malaysia juga menyatakan bahawa kos rawatan kesihatan akan meningkat disebabkan terdapat ramai banduan yang berumur. Mereka memerlukan rawatan rapi daripada pakar. Malah, terdapat juga keperluan pengubahsuaian dibuat kepada bilik penjara mereka. Selain itu, banduan akhir juga dianggap sebagai banduan yang berisiko tinggi yang memerlukan pemerhatian lebih rapi. Oleh yang demikian, fasiliti penjara yang disediakan untuk mereka juga berlainan daripada banduan biasa dan ini juga akan menyebabkan peningkatan kos keseluruhan.

(ii) Kumpulan Agamawan – Agama Islam

(a) Pandangan sama ada hukuman mati mandatori perlu dimansuhkan atau tidak dan sama ada hukuman mati masih relevan?

Secara keseluruhannya, kumpulan agamawan Islam bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Walau bagaimanapun, kumpulan tersebut mencadangkan hukuman alternatif bagi menggantikan hukuman mati mandatori adalah berpaksikan syariah Islam melalui konsep kemaafan dan *diyyat*.

JAKIM menjelaskan bahawa dalam undang-undang jenayah Islam tiada hukuman mati mandatori bagi kesalahan membunuh. Jenis-jenis hukuman di bawah Islam terbahagi kepada tiga, iaitu *hudud, qisas* dan *ta'zir*. Kesalahan membunuh boleh dihukum dengan *qisas*. Walau bagaimanapun, *ulul amri* atau pemerintah masih boleh menjatuhkan hukuman *ta'zir* yang lain terhadap pesalah walaupun keluarga mangsa telah memaafkan pesalah secara mutlak atau kemaafan berserta *diyyat*. Kemaafan daripada keluarga mangsa tidak akan melepaskan pesalah daripada bertanggungjawab ke atas jenayah yang telah dilakukannya. Kesalahan-kesalahan lain yang tidak ada dalilnya secara nyata, sama ada dalam Al-Quran atau Hadis, adalah

dikategorikan di bawah kesalahan *ta'zir*. Maka terpulanglah pada pemerintah untuk menentukan hukuman yang bersesuaian bagi memastikan kemaslahatan masyarakat.

Lanjutan daripada keputusan Jemaah Menteri untuk memansuhkan hukuman mati mandatori ini, JAKIM, dengan kerjasama *International Institute of Advanced Islamic Studies* (IAIS), pada 19 Mac 2019 telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi libat urus bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Seterusnya pada 23 April 2019, JAKIM telah mengadakan perbincangan meja bulat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Mujahid Yusof untuk membincangkan cadangan pemansuhan hukuman mati mandatori ini.

Pada 20 Jun 2019, telah diadakan suatu *munaqasyah* pengurusan hal ehwal Islam negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara untuk membincangkan cadangan pemansuhan hukuman mati mandatori ini.

Semua pihak yang terlibat dalam ketiga-tiga perbincangan tersebut bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga perbincangan itu adalah lebih tertumpu pada kesalahan membunuh.

(b) Apakah hukuman gantian jika hukuman mati mandatori dimansuhkan dan adakah Mahkamah perlu diberi kuasa budi bicara?

Majlis Agama Islam berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan selama 10 tahun adalah memadai bagi kesalahan membunuh. Di samping itu, Mahkamah boleh merujuk kepada pakar psikologi untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai tempoh pemenjaraan yang sesuai bagi setiap pesalah mengikut fakta kes.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa *diyyat* merupakan pampasan yang dibayar oleh penjenayah kepada keluarga mangsa. Ini adalah kerana keluarga mangsa merupakan pihak yang paling terkesan akibat pembunuhan tersebut. Maka pampasan perlu diberikan kepada mereka bagi mengurangkan bebanan dan menggantikan sumber pendapatan mereka. Walau bagaimanapun, kemaafan daripada keluarga mangsa tidak akan melepaskan

pesalah sepenuhnya daripada bertanggungjawab ke atas kesalahan bunuh yang telah dilakukannya.

Pandangan seterusnya adalah *diyyat* boleh juga dijadikan salah satu dalam mekanisme *victim's impact statement* bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Mahkamah sivil, atas inisiatif daripada pihak pendakwa raya, boleh memerintahkan pesalah yang melakukan kesalahan bunuh untuk membayar sejumlah pampasan kepada keluarga mangsa. Pampasan ini boleh dituntut melalui tuntutan peribadi, namun jumlah yang boleh dituntut adalah tidak tetap dan bergantung pada kemampuan kewangan pesalah. Ini menyebabkan wujudnya unsur diskriminasi terhadap golongan yang kurang berkemampuan.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mencadangkan jumlah *diyyat* di Malaysia mengikut julat RM50,000.00 sehingga RM400,000.00 seperti yang ditetapkan di negara-negara Timur Tengah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, takaful dan khairat kematian kebiasaannya bernilai sebanyak RM100,000.00 sehingga RM400,000.00 ke atas. Oleh itu, adalah dicadangkan suatu dana persekutuan ditubuhkan untuk memberikan pampasan kepada keluarga

mangsa. Dana persekutuan ini adalah khusus bagi pesalah yang tidak mampu dari segi kewangan. Sekiranya pesalah mempunyai kemampuan dari segi kewangan, maka sumber pampasan perlu diambil daripada pesalah sendiri. Selain itu, pampasan tersebut juga dapat mengurangkan perasaan sedih dan dendam keluarga mangsa terhadap pesalah.

Bagi kes dadah pula, terdapat pandangan daripada Majlis Agama Islam bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah berdasarkan pada setiap fakta kes secara terperinci. Jika pesalah tersebut hanyalah dipergunakan sebagai keldai dadah maka hukuman mati tidak sepatutnya dijatuhkan.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menjelaskan bahawa, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengeluarkan pandangan dan bersetuju hukuman mati bagi jenayah pengedaran dadah.

Agama Islam tidak memperuntukkan suatu dana persekutuan untuk menebus pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan dadah yang membawa hukuman mati, maka hukuman harus bergantung kepada kebijaksanaan Kerajaan untuk menjatuhkan hukuman yang bersesuaian.

(c) *Restorative justice* dan konsep pemulihan banduan

Terdapat pandangan umum yang menyatakan bahawa tempoh pemenjaraan yang panjang dapat memberikan pengajaran terhadap pesalah dan menimbulkan rasa tanggungjawab ke atas kesalahan yang telah dilakukan. Hukuman pemenjaraan sepanjang hayat adalah terlalu lama dan tidak akan memberikan peluang kepada pesalah untuk dipulihkan. Kaedah *ta'zir* perlu diperbaiki untuk mendidik semula pesalah ini agar dapat menyumbang kepada masyarakat. Bagi tujuan ini program pemulihan perlu dilaksanakan di penjara agar dapat memberikan kesedaran pada pesalah semasa berada di dalam penjara.

(iii) Kumpulan Agamawan – Bukan agama Islam

(a) Pandangan sama ada hukuman mati mandatori perlu di mansuhkan atau tidak dan sama ada hukuman mati masih relevan

Kumpulan Agamawan Bukan Islam menyokong cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Persatuan Gudwara Malaysia (PGM) dan *Malaysian Christians Society* (MSC) misalnya, berpandangan bahawa Kerajaan tidak mempunyai hak untuk mengambil nyawa orang lain

dan merupakan kewajipan Kerajaan untuk menjaga dan melindungi rakyat Malaysia.

(b) Apakah hukuman gantian jika hukuman mati mandatori dimansuhkan dan adakah Mahkamah perlu diberi kuasa budi bicara?

PGM dan MCS juga berpandangan bahawa kuasa budi bicara perlu diberikan kepada Mahkamah namun pada masa ini hukuman mati masih lagi bersifat mandatori. Selaras dengan pemansuhan ini, PGM dan MSC mencadangkan supaya pemenjaraan seumur hidup selama 30 tahun adalah wajar bagi menggantikan hukuman mati mandatori tertakluk kepada keseriusan kesalahan.

Bagi kes-kes pengedaran dadah, PGM dan MCS juga berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk membezakan hukuman yang dikenakan kepada pengedar utama dengan hukuman kepada keldai dadah. Hukuman bagi pengedar utama mestilah lebih berat berbanding dengan hukuman bagi keldai dadah.

Persatuan Sikh Malaysia (PSM) juga berpandangan bahawa pampasan perlu diberikan kepada keluarga pesalah. Bagi tujuan ini, satu dana persekutuan perlu diwujudkan terutamanya bagi membantu keluarga mereka yang tidak

berkemampuan, terutamanya apabila pesalah tersebut merupakan penyumbang tunggal sara hidup keluarga. Mereka juga berpandangan bahawa, semasa menjatuhkan hukuman, hakim perlu mengambil kira latar belakang seseorang pesalah terutamanya dari segi kesihatan mereka.

Persatuan Buddhist Malaysia (PBM) pula berpandangan bahawa sekiranya suatu dana persekutuan diwujudkan dalam membayar pampasan, seolah-olahnya Kerajaan akan menanggung bayaran ini dan ia akan membebankan pembayar cukai. Selain itu, pampasan sedemikian akan menggalakkan berlakunya pembunuhan berleluasa. Mereka berpandangan bahawa banduan-banduan yang telah melakukan jenayah yang kejam dan ganas tidak harus diberi pengampunan atau parol.

MCS juga pada masa yang sama berpandangan bahawa hakim perlu meneliti kes secara menyeluruh sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman. MCS berpandangan bahawa *victim's impact statement* adalah relevan bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas berkenaan dengan keadaan dan kedudukan keluarga mangsa. MCS juga berpandangan bahawa sebatan perlu dipertimbangkan sebagai hukuman tambahan.

Jika tidak, hukuman yang dikenakan tidak akan setimpal dengan kesalahan.

PSM juga mencadangkan bagi kesalahan membunuh, hukuman yang wajar ialah hukuman pemenjaraan seumur hidup selama 30 tahun dan bagi kesalahan yang melibatkan kedaulatan negara seperti keganasan, maka hukuman pemenjaraan sepanjang hayat boleh dilaksanakan.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan perlu dikenakan untuk menggantikan hukuman mati mandatori. Namun tempoh hukuman yang perlu dikenakan harus bergantung pada fakta dan keseriusan kes tersebut.

Persatuan Hindu Sangam (PHS) berpandangan bahawa terdapat juga pesalah yang melakukan sesuatu jenayah akibat tekanan hidup. Oleh yang demikian, Mahkamah perlu melihat latar belakang pesalah sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman.

(c) *Restorative justice* dan konsep pemulihan banduan

PHS berpandangan bahawa banduan perlu diberi kesedaran dari segi agama. Di samping itu, program vokasional juga harus diberikan kepada banduan bagi membantu mereka menyara diri dengan kemahiran tertentu sekiranya diberi pembebasan awal.

Banduan ini perlu diintegrasi ke dalam masyarakat untuk memberi peluang supaya mereka dapat menyumbang kepada masyarakat. Walau bagaimanapun mereka masih perlu dipantau oleh Kerajaan selepas pembebasan supaya mereka tidak mengulangi sebarang kesalahan jenayah.

Lanjutan daripada pandangan di atas, PSM menyatakan bahawa pesalah yang dijatuhkan hukuman pemenjaraan tidak boleh dihalang daripada mendapatkan pendidikan, terutama bagi pesalah muda. Akses terhadap pendidikan boleh dijadikan sebagai ganjaran bagi banduan yang menunjukkan tingkah laku yang baik semasa berada dalam penjara.

JPNIN berpandangan bahawa banduan perlu diberi kaunseling demi mengembalikan jati diri mereka. Selain itu, sekiranya mereka dijatuhi hukuman pemenjaraan, mereka perlu diberi peluang untuk melakukan aktiviti berfaedah yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Tambahan lagi, banduan boleh melakukan kerja dan segala pendapatan daripada kerja tersebut boleh dijadikan simpanan peribadi atau disumbangkan kepada badan kebajikan yang memerlukan. JPNIN juga berpandangan bahawa, program bersifat pendidikan dan kemahiran wajar disediakan kepada banduan agar mereka boleh menyumbang kembali kepada masyarakat.

iv) Perjumpaan bersama *Civil Society Organisation* (CSO) dan *Non-Government Organisation* (NGO)

a) Pandangan sama ada hukuman mati mandatori perlu di mansuhkan atau tidak dan sama ada hukuman mati masih relevan

Pada keseluruhannya terdapat 3 jenis pandangan yang telah dikemukakan semasa sesi FGD sebagaimana berikut:

(i) bersetuju dan menyokong cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan budi bicara diberikan kepada Mahkamah;

(ii) tidak bersetuju dan tidak menyokong cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan berpandangan bahawa hukuman mati mandatori perlu dikekalkan; dan

(iii) berpandangan bahawa hukuman mati perlu dimansuhkan secara keseluruhan.

Gerakan Pembela Ummah (GPU) tidak bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan berpandangan bahawa pelaksanaan hukuman mati mandatori masih perlu dikekalkan kerana hukuman pemenjaraan sepanjang hayat tidak bersifat punitif sebagaimana hukuman mati mandatori. GPU juga berpandangan bahawa jika pesalah diberikan parol dan dikurangkan jangka masa pemenjaraan mereka, akan menyebabkan indeks jenayah semakin meningkat.

Majlis Belia Malaysia (MBM) juga berpandangan bahawa hukuman mati adalah relevan di negara

kita sebagai suatu mekanisme pencegahan daripada berlakunya jenayah.

Malaysia Alliance of Civil Society Organisation in the United Periodic Review Process (MACSA) menyatakan bahawa hukuman mati mandatori perlu dikekalkan terutama sekali jenayah yang menyebabkan kehilangan nyawa.

Terdapat juga pandangan umum yang menyatakan bahawa hukuman mati mandatori perlu dimansuhkan dan diberikan kepada budi bicara Mahkamah. Dalam pada masa yang sama, *National Human Rights Society* (HAKAM) berpandangan bahawa tiada statistik yang menunjukkan indeks jenayah akan menurun dengan adanya pelaksanaan hukuman mati mandatori.

Amnesty International pula masih berpegang dengan pandangan bahawa pelaksanaan hukuman mati perlu dimansuhkan sama sekali kerana ia bertentangan dengan prinsip-prinsip dan piawaian hak asasi manusia.

b) Apakah hukuman gantian jika hukuman mati mandatori dimansuhkan dan adakah Mahkamah perlu diberi kuasa budi bicara?

GPU menyatakan bahawa bagi kesalahan membunuh, hukuman mati perlu dikekalkan kerana perbuatan tersebut telah mengambil nyawa seseorang. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan lain yang tidak mengakibatkan kematian, budi bicara boleh diberikan kepada Mahkamah.

MACSA berpandangan bahawa bagi kesalahan-kesalahan bunuh ataupun rogol melibatkan mangsa bawah umur, pesalah perlu disebat sebanyak 24 kali di tempat awam bagi menimbulkan rasa takut kepada masyarakat untuk melakukan jenayah tersebut.

Terdapat juga pandangan daripada MACSA agar *diyyat* dapat diperkenalkan sebagai salah satu hukuman gantian tambahan kepada hukuman mati mandatori. Cadangan ini turut dipersetujui oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), beserta penggunaan *victims impact statement* di Mahkamah yang boleh membantu hakim untuk menjatuhkan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan.

HAKAM berpandangan bahawa bagi kesalahan membunuh yang dilakukan dengan niat, pelaksanaan hukuman mati boleh dikenakan.

Walau bagaimanapun sebagai alternatif kepada hukuman mati, pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) atau pemenjaraan sepanjang hayat boleh dijatuhkan, bergantung kepada fakta kes. Hukuman yang sama juga boleh dikenakan bagi mereka yang melakukan kesalahan melepaskan tembakan tanpa menyebabkan kematian. HAKAM bersetuju bahawa sebatan tidak wajar dijadikan sebagai hukuman gantian.

Dalam menjatuhkan hukuman, Mahkamah perlu mengambil kira tahap kesihatan mental pesalah. Sekiranya pesalah mengalami masalah mental seperti kemurungan, maka hukuman mati tidak wajar dijatuhkan terhadap pesalah tersebut. Perkara ini boleh dilakukan dengan mengemukakan laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada Mahkamah bagi tujuan memahami latar belakang pesalah. Selain itu, pesalah yang berumur di bawah 18 tahun dan pesalah yang hamil tidak boleh dijatuhkan hukuman mati. Dalam masa yang sama, HAKAM berpandangan bahawa Mahkamah tidak boleh meminggirkan hak keluarga mangsa. Keluarga mangsa perlu diberikan pampasan dan sistem sokongan untuk membantu mereka melalui trauma akibat kehilangan ahli keluarga.

HAKAM turut mencadangkan Kerajaan untuk memberi definisi kepada jenayah yang dianggap sangat kejam serta *rarest of the rare*. Bagi jenayah sangat kejam yang mengakibatkan kematian, hukuman gantian yang boleh dijatuhkan selain daripada hukuman mati ialah pemenjaraan seumur hidup dengan jangka masa maksimum 40 tahun beserta parol. Manakala bagi jenayah yang tidak jatuh tergolong di bawah kategori jenayah sangat kejam dan tidak mengakibatkan kehilangan nyawa, Mahkamah perlu mewujudkan satu garis panduan penghukuman bagi menentukan apakah hukuman yang sewajarnya dijatuhkan berdasarkan fakta dan situasi kes.

Selain itu, HAKAM memberikan cadangan untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Khas bagi pendengaran kes penghukuman semula banduan yang telah dijatuhkan dengan hukuman mati mandatori. HAKAM turut mencadangkan supaya pendengaran tersebut dilakukan di Mahkamah Tinggi.

Amnesty International berpandangan Mahkamah perlu mengkaji semula hukuman yang telah dijatuhkan kepada pesalah setelah menjalani dua pertiga daripada tempoh hukuman pemenjaraan. Tempoh pemenjaraan wajar dipertimbangkan bergantung kepada keadaan dan situasi.

SUHAKAM mencadangkan hukuman pemenjaraan sehingga 30 tahun bergantung kepada kesalahan yang dilakukan jika hukuman mati mandatori dimansuhkan. SUHAKAM juga mencadangan agar *corporal punishment* tidak dijadikan sebagai hukuman gantian.

Wakil *Mar Thoma Church* (MTC) berpandangan agar hukuman pemenjaraan dijadikan sebagai hukuman gantian kepada hukuman mati mandatory. Jangka masa pemenjaraan yang perlu dikenakan harus bergantung kepada keseriusan jenayah yang telah dilakukan.

Selain itu, faktor keselamatan masyarakat perlu diambil kira, sekiranya banduan mampu menggugat keselamatan awam maka dia tidak layak untuk dipertimbangkan untuk pembebasan awal. MTC juga berpandangan bahawa pampasan perlu diberikan kepada keluarga mangsa dan banduan perlu melakukan khidmat masyarakat. Banduan perlu membayar semula perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan.

Persatuan Pengasih Malaysia (PPM) berpandangan bahawa mereka yang dipergunakan sebagai keldai dadah perlu diberi 10 tahun pemenjaraan memandangkan mereka

masih mempunyai masa depan. Ini disebabkan kebanyakan banduan kes pengedaran dadah pada masa ini merupakan mangsa keadaan yang telah diperdayakan sebagai keldai dadah. Peluang perlu diberikan kepada mereka untuk berubah dan diberikan pemulihan.

PPM turut mencadangkan bahawa satu sistem parol dengan pemantauan yang lebih panjang boleh diberikan kepada banduan yang melakukan kesalahan mengedar dadah. Sekiranya mereka menunjukkan perubahan yang positif serta penyesalan terhadap kesalahan yang dilakukan, maka mereka boleh dibebaskan dan diintegrasi semula ke dalam masyarakat.

MACSA turut berpandangan bahawa hukuman bagi kesalahan mengedar dadah boleh diringankan tetapi Mahkamah masih perlu berhati-hati kerana kebanyakan jenayah yang berat dan serius bermula daripada kesalahan mengedar dadah.

MBM pula berpandangan bahawa hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] perlu dikekalkan bagi mengelak peningkatan kes jenayah. Walau bagaimanapun, bagi keldai dadah pula, hukuman mati tidak wajar dijatuhkan terhadap mereka dan

budi bicara perlu diberikan kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman.

c) *Restorative justice* dan konsep pemulihan banduan

PPM berpandangan bahawa kes penagihan dadah perlu dilihat sebagai penyakit yang perlu dirawat dan bukan dihukum dengan undang-undang. Pemulihan penagihan dadah memerlukan usaha berterusan kerana penagihan dadah adalah satu penyakit kronik yang mudah berulang dan berpanjangan. Individu yang terlibat dengan penagihan dadah ini boleh dipulihkan dan mampu berhenti daripada menggunakan dadah.

Terdapat program terapeutik yang dikendalikan bersama Jabatan Penjara Malaysia bagi mengubah diri serta memberi sokongan moral kepada pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan dadah. Walau bagaimanapun, antara kelemahan yang dapat dikenal pasti adalah banduan kurang mendapat pemantauan terutamanya daripada pihak yang berkuasa setelah mereka dibebaskan daripada penjara. Ini menyebabkan banduan kembali mengulangi kesalahan yang sama. Tambahan pula, banduan terpaksa menghadapi stigma masyarakat atas

kesalahan penagihan yang menyukarkan mereka untuk membina semula kehidupan.

MACSA berpandangan bahawa Mahkamah boleh menyelesaikan isu-isu tersebut dengan mewujudkan suatu sistem rawatan dan juga pemulihan terhadap banduan di dalam penjara. Selain itu, banduan juga boleh melakukan aktiviti-aktiviti produktif ataupun vokasional yang boleh menyumbangkan sesuatu perkara yang positif terhadap masyarakat dan negara.

3.3. Dapatan Perjumpaan Dengan Keluarga Banduan Akhir

Seramai 45 orang keluarga banduan akhir telah menghadiri perjumpaan bersama Jawatankuasa Khas pada 16 Disember 2019. Keluarga banduan akhir ini termasuk keluarga banduan akhir yang dipenjarakan untuk pelbagai kesalahan termasuk kesalahan membunuh, pengedaran dadah berbahaya dan kesalahan melibatkan senjata api. Dapatan ini dibahagikan mengikut masalah dan isu-isu yang diketengahkan oleh keluarga banduan akhir.

(i) Kos guaman yang tinggi

Keluarga banduan akhir yang hadir semasa sesi FGD, menyatakan bahawa mereka sentiasa mengharapkan agar ahli keluarga mereka yang telah dijatuhkan

hukuman mati mandatori dapat dibebaskan. Secara purata, keluarga banduan akhir telah membelanjakan RM100,000.00 hingga RM300,000.00 untuk perbelanjaan peguam bela dan kos berkaitan. Terdapat ahli keluarga yang mendapat bantuan dari Institusi Baitulmal manakala terdapat juga yang terpaksa mengadaikan rumah mereka dan menjual rumah keluarga untuk menampung kos kepada peguam bela.

(ii) Kesan hukuman mati mandatori terhadap keluarga banduan

Apabila banduan dijatuhkan hukuman mati, kebanyakan keluarga mereka menghadapi masalah dalaman, terutamanya dari segi kewangan. Terdapat juga keluarga banduan yang isterinya meninggalkan banduan tersebut dan anak banduan terpaksa dijaga oleh ibu banduan yang tua dan tidak berkemampuan. Malahan, terdapat banduan akhir yang telah ditangkap semasa berumur 18 tahun dan masih berada di dalam penjara sehingga hari ini dan sekarang sudah berusia 26 tahun. Keluarga banduan akhir ini berasa amat kecewa kerana anak mereka sangat muda dan masih berupaya untuk berubah untuk menjadi insan yang baik. Oleh itu, keluarga tersebut memohon agar banduan tersebut diberikan peluang kedua.

(iii) Cadangan hukuman gantian

Terdapat keluarga banduan akhir yang berpandangan bahawa adalah tidak adil jika hukuman mati dikenakan untuk:

(i) kesalahan mengedar dadah; dan

(ii) kesalahan melibatkan senjata api penalti lebih berat apabila tiada kehilangan nyawa.

Bagi kesalahan pengedaran dadah, keluarga banduan akhir berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan selama 10 hingga 20 tahun, bermula dari tarikh tangkapan adalah memadai. Tempoh pemenjaraan juga perlu berdasarkan kepada jumlah berat dadah dalam pemilikan semasa tangkapan. Keluarga banduan akhir yakin bahawa tempoh pemenjaraan ini adalah cukup untuk memberi pengajaran kepada banduan.

Terdapat pandangan bagi pesalah yang dijadikan sebagai keldai dadah, hukuman pemenjaraan yang sesuai adalah selama 20 tahun mengikut jumlah berat dadah dalam pemilikan semasa tangkapan, beserta 6 kali sebatan dan tempoh pemenjaraan bermula daripada tarikh pesalah tersebut ditangkap. Sekiranya pesalah tersebut memiliki dadah melebihi 1 kilogram, maka hukuman pemenjaraan selama 30 tahun beserta 10 kali sebatan. Manakala bagi pengedar utama pula, hukuman pemenjaraan selama 40 tahun beserta 15 kali sebatan adalah wajar.

Bagi kes pembunuhan pula, individu yang merancang pembunuhan atau mengarahkan orang lain untuk melakukan jenayah bunuh, hukuman pemenjaraan selama 20 hingga 30 tahun adalah hukuman yang wajar dijatuhkan oleh Mahkamah.

Terdapat juga cadangan dari keluarga banduan akhir bahawa sekiranya banduan dibebaskan awal daripada penjara, banduan tersebut boleh dipantau secara penahanan dalam rumah.

(iv) Kritikan terhadap sistem pengadilan jenayah di Malaysia

Sebahagian daripada keluarga banduan akhir kurang berpuas hati terhadap sistem pengadilan jenayah di Malaysia kerana terdapat kes di mana keputusan hakim diberikan dalam tempoh 5 hingga 10 minit sahaja. Perkara ini dilihat sebagai amat merunsingkan kerana ia melibatkan kebebasan dan masa depan seseorang manusia.

Terdapat banduan akhir yang telah ditangkap pada tahun 1987, dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1992 dan masih berada di dalam penjara sehingga ke hari ini. Namun, hukuman mati masih belum dilaksanakan sehingga sekarang. Lembaga Pengampunan juga masih belum mendengar kes tersebut dan situasi ini akan

membawa ketidakpastian kepada banduan tersebut dan keluarganya.

3.4 Dapatan Perjumpaan Dengan Banduan Akhir

Jawatankuasa Khas telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan 10 orang banduan akhir di Penjara Kajang pada 17 Disember 2019. Kumpulan tersebut terdiri daripada 2 orang banduan wanita dan 8 orang banduan lelaki. Banduan-banduan ini telah dijatuhkan hukuman mati kerana melakukan pelbagai kesalahan seperti membunuh, mengedar dadah dan pemilikan dan penggunaan senjata api. Bagi tujuan perincian dapatan sesi sesi libat urus tersebut, banduan-banduan akhir yang terlibat telah ditandakan dengan nombor 01-10 dan hasil dapatan adalah seperti berikut:

(i) Keadaan banduan

Banduan 01 dan banduan 02 merupakan banduan wanita yang telah dihukum bagi kesalahan memiliki dadah. Kedua-dua mereka adalah dalam lingkungan umur dari 30 hingga 45 tahun dan berada dalam keadaan sihat. Banduan 01 telah membelanjakan sebanyak RM20,000.00 hingga RM30,000.00 bagi kos perbelanjaan guamannya manakala Banduan 02 pula telah membelanjakan sebanyak RM100,000.00 untuk kos perbelanjaan guaman.

Banduan 03 pula berumur 63 tahun, mempunyai 5 orang anak dan merupakan seorang bekas anggota polis. Sebanyak RM40,000.00 telah dibelanjakan untuk kos guaman di Mahkamah Tinggi tetapi disebabkan oleh kekangan kewangan, dia tidak mampu merayu ke Mahkamah Rayuan.

Banduan 04 berumur 27 tahun dan telah dihukum bagi kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Sebelum dihukum, dia bekerja sebagai pegawal keselamatan dan telah ditangkap semasa berumur 20 tahun. Banduan 04 tidak mampu untuk menanggung kos perbelanjaan guaman dan telah menggunakan khidmat peguam yang dilantik oleh Mahkamah *(Court Assigned Counsel*).

Banduan 05 berasal dari Indonesia dan memegang status penduduk tetap Malaysia. Dia dihukum untuk kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Banduan 06 berumur 64 tahun dan telah dihukum atas kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dia telah berada di dalam penjara selama 17 tahun. Banduan 06 sedang menerima rawatan untuk penyakit kencing manis dan darah tinggi. Dia telah menghantar permohonan kepada Lembaga Pengampunan tetapi belum mendapat sebarang maklum balas.

Banduan 07 berumur 65 tahun telah berada di dalam penjara selama 8 tahun (ditangkap pada tahun 2013 dan dijatuhkan hukuman mati pada tahun 2014) akibat melakukan kesalahan bunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Banduan telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak. Isterinya telah meninggal dunia semasa banduan berada di dalam penjara.

Banduan 08 berumur 44 tahun, telah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Sebelum dipenjarakan, dia bekerja sebagai pengimpal kereta. Banduan 08 disabitkan bersalah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya kerana memiliki 945 gram syabu pada tahun 2015. Banduan 08 bersetuju dengan pemansuhan hukuman mati mandatori. Sebagai banduan akhir, terlalu banyak kesan negatif yang dihadapi terutama dari segi mental kerana tempoh menunggu pelaksanaan hukuman mati adalah terlalu lama. Dia hanya dibenarkan keluar daripada bilik penjara selama sejam ataupun dua jam setiap hari. Akibatnya, dia kehilangan keupayaan untuk berkomunikasi seperti biasa.

Banduan 09 berumur 31 tahun dan telah disabitkan salah di bawah seksyen 39B(1)(A), Akta Dadah Berbahaya kerana memiliki 465.80 gram *methamphetamine*. Banduan 09 telah membelanjakan sebanyak RM60,000.00 kos guaman sehingga ke Mahkamah Persekutuan. Banduan 10 berusia 62

tahun, disabitkan kesalahan di bawah seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) dan telah dipenjarakan pada tahun 2013 sehingga kini.

(ii) Fakta kes banduan-banduan

Mengikut Banduan 01, dia tidak tahu mengenai dadah di dalam keretanya. Dia telah menjalani hukuman selama 4 tahun dan telah menghantar rayuan pengampunan untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan. Banduan 02 pula tidak mengetahui bahawa beg yang ditinggalkan di salon tempat kerjanya mengandungi dadah. Dia telah dihukum di bawah seksyen 39B bagi memiliki dadah *methamphetamine* sebanyak 750 gram dan ianya merupakan kesalahan pertamanya.

Banduan 03 telah dihukum di bawah seksyen 39B pada tahun 2012. Dadah jenis ganja seberat 1 kilogram telah dijumpai di rumahnya. Sebagai ketua keluarga, dia berpandangan bahawa dia harus bertanggungjawab terhadap dadah yang ditemui untuk melindungi keluarganya. Dia juga telah menghantar petisyen pengampunan untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan namun belum menerima sebarang maklum balas hingga kini.

Banduan 04 telah dihukum bagi kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dia telah menikam wanita berumur 36 tahun yang dianggap

sebagai *sugar mummy* sehingga mati semasa berada di bawah pengaruh dadah.

Banduan 05 telah membunuh seorang warga Bangladesh di sebuah kedai snuker. Dia menyatakan bahawa dia tidak berniat untuk membunuh mangsa dan tindakannya melontarkan kayu snuker ke arah mangsa adalah bagi tujuan untuk mempertahankan diri.

Banduan 06 telah membunuh kawannya semasa berbincang untuk menyelesaikan pertelingkahan mereka berkenaan dengan seorang wanita. Perbincangan mereka tidak berhasil dan mangsa telah ditikam oleh Banduan 06 sebanyak 4 kali.

Banduan 07 merupakan seorang *ah long* dan mangsa telah berhutang dengan banduan sebanyak RM35,000. Banduan membunuh mangsa kerana gagal mengawal kemarahannya.

Banduan 08 mengaku bahawa dia merupakan pengguna dadah tetapi tidak ketagih. Dia menggunakan dadah untuk memberi tenaga semasa bekerja. Banduan 08 hanya mula mengedar dadah apabila dia dijanjikan komisyen oleh kawannya. Dia tidak tahu bahawa hukuman bagi mengedar dadah ialah hukuman mati mandatori.

Menurut Banduan 09, sebelum ditangkap dia bekerja di Johor dan telah berkenalan dengan seseorang. Kenalan tersebut telah meminta bantuannya untuk membawa satu beg berisi pakaian ke New Delhi, India. Banduan 09 telah memeriksa beg tersebut dan ianya memang berisi pakaian. Namun, apabila melalui pemeriksaan imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pihak berkuasa telah menemui dadah di dalam rangka beg tersebut.

Banduan 10 mengaku bahawa ini bukan kes pertamanya kerana dia pernah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara sebanyak 5 kali atas kesalahan yang berlainan. Kali pertama banduan dipenjarakan adalah ketika berumur 19 tahun. Antara jenayah paling besar yang pernah dilakukan ialah kes samun kedai jam pada tahun 2006.

(iii) Cadangan hukuman alternatif

Kedua-dua banduan 01 dan 02 berpandangan bahawa hukuman gantian bagi kesalahan pengedaran dadah harus tidak melebihi dari 20 tahun mulai daripada tarikh tangkapan.

Banduan 03 berpandangan bahawa bagi kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234', hukuman mengikut berat dan jenis dadah perlu

dibezakan. Dalam situasi banduan 03, dia menggunakan ganja sebagai ubat untuk mengurangkan rasa sakitnya. Dia berpandangan bahawa ganja ialah tumbuhan semula jadi, dan bukan dadah sintetik yang boleh merosakkan masyarakat. Dia juga berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan 2 hingga 5 tahun adalah munasabah untuk memberikan pengajaran bagi mereka yang menggunakan dadah jenis semula jadi. Bagi kes pengedaran dadah jenis sintetik hukuman mati harus dijadikan mandatori.

Banduan 04 berpandangan bahawa hukuman alternatif adalah di antara 20 hingga 30 tahun dari tarikh tangkapan. Banduan 05 berpandangan bahawa hukuman mati mandatori perlu dimansuhkan sekiranya pembunuhan dilakukan tanpa niat dan digantikan dengan pemenjaraan selama 15 tahun.

Banduan 06 mencadangkan hukuman gantian bagi kesalahan membunuh adalah pemenjaraan untuk tempoh 20 tahun. Banduan 07 berpandangan bahawa pemenjaraan selama 5 tahun adalah memadai bagi pembunuhan tanpa niat. Banduan 08 berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan selama 10 hingga 20 tahun adalah hukuman gantian yang wajar.

Banduan 09 mencadangkan hukuman gantian kesalahan berkaitan dadah adalah selama 20 tahun pemenjaraan bermula daripada tarikh tangkapan.

Banduan 10 bersetuju untuk dihukum dengan hukuman mati mandatori bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

(iv) Aspirasi masa hadapan

Banduan 01 bertekad untuk menjaga ibu bapanya jika dibebaskan dan akan bekerja sebagai jurusolek sepertimana pekerjaannya sebelum ini.

Banduan 02 pula ingin kembali ke rumahnya dan memulakan perniagaan menjual makanan untuk menjana sumber pendapatan.

Banduan 04 sekiranya dibebaskan merancang untuk bekerja di restoran. Selain itu, dia pernah mempelajari kemahiran pendawaian dan boleh mendapatkan pekerjaan di dalam bidang tersebut. Sekiranya dibebaskan Banduan 05 akan bekerja sebagai jurukamera bebas.

Banduan 10 berpandangan bahawa dia sudah berumur, mempunyai rekod jenayah dan sudah tidak berhubung dengan mana-mana ahli keluarga. Menurutnya, sekiranya dibebaskan, dia akan terus melakukan jenayah kerana tidak mampu untuk meneruskan semula kehidupannya.

3.5 Dapatan Perjumpaan Dengan Keluarga Mangsa

Jawatankuasa Khas juga telah mengadakan sesi libat urus dengan keluarga mangsa pada 14 Januari 2020. Seramai 7 keluarga mangsa telah hadir untuk perjumpaan tersebut manakala 2 keluarga mangsa terlibat melalui telefon dari Kedah dan Taiwan.

Dapatan sesi libat urus bersama keluarga mangsa adalah seperti berikut:

(i) Pandangan keluarga mangsa

Kebanyakan keluarga mangsa telah meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Mereka berpendapat bahawa pelaksanaan hukuman mati mandatori yang dijatuhkan terhadap pesalah tersebut mampu memberikan mereka ketenangan dan *closure*. Kesemua mereka tidak bersetuju dengan sebarang cadangan hukuman gantian atau alternatif selain daripada hukuman mati.

Terdapat juga keluarga mangsa yang menderita akibat kemurungan sehingga ada yang menghidap penyakit kritikal. Ini menyebabkan keluarga tersebut sukar meneruskan kehidupan seperti biasa akibat kehilangan ahli keluarga.

Kesemua ahli keluarga tidak bersetuju dengan pemberian sebarang pampasan kerana mereka berpendapat bahawa pampasan tersebut tidak akan mengembalikan ahli keluarga mereka yang telah mati dibunuh. Mereka juga berpandangan dengan pemansuhan hukuman mati mandatori ini, secara tidak langsung akan menggalakkan individu untuk melakukan jenayah.

3.6 Dapatan Pandangan Pakar Perundangan

Seramai 20 pakar telah mengemukakan pandangan mereka berdasarkan kepada 7 soalan yang diketengahkan oleh Jawatankuasa Khas. Pandangan-pandangan pakar berdasarkan soalan adalah seperti berikut :

(i) Pandangan pakar terhadap tafsiran jenayah paling serius

Terdapat pandangan bahawa hukuman mati harus dijatuhkan bagi kes yang menyebabkan kematian secara *rarest of the rare*. Kebanyakan pakar berpandangan tafsiran jenayah paling serius tidak harus melebihi tafsiran jenayah yang disengajakan sehingga mengakibatkan kematian. Tafsiran tersebut adalah selaras dengan tafsiran badan-badan antarabangsa seperti *United Nations Economic and Social Council*, *United Nations Convention on Transnational Crime* dan *UN Office of the High Commission for Human Rights.*

(ii) Pandangan pakar terhadap hukuman gantian/alternatif kepada hukuman mati mandatori

Para pakar telah memberi beberapa contoh hukuman gantian negara yang telah memansuhkan hukuman mati mandatori. Antara contoh hukuman gantian adalah seperti berikut:

a) Pemenjaraan seumur hayat;
b) Pemenjaraan sehingga 50 tahun;
c) Pemenjaraan seumur hidup dengan parol;
d) Pemenjaraan seumur hidup (20-30 tahun);
e) Pemenjaraan seumur hidup tanpa parol (untuk sesetengah kes);
f) Pemenjaraan seumur hidup dengan parol selepas dipenjarakan selama 10 hingga 26 tahun;
g) Tempoh pemenjaraan adalah berlainan bagi *residivist* atau pesalah berulang; dan
h) Tempoh pemenjaraan berbeza untuk *multiple offences*.

Kebanyakan pakar berpandangan bahawa hukuman yang paling sesuai adalah pemenjaraan seumur hidup namun tempoh pemenjaraan bergantung kepada jenis jenayah.

(iii) Pandangan pakar terhadap hukuman sepanjang hayat dan pemenjaraan seumur hidup yang dilihat

sebagai hukuman yang terlalu menyeksakan, kejam dan tidak berperikemanusian

Terdapat pandangan bahawa semua hukuman pemenjaraan yang mempunyai tempoh yang panjang perlu melalui suatu semakan semula penghukuman. Dalam hal ini, banduan juga perlu diberikan peluang untuk pembebasan awal terutamanya selepas menjalani dua pertiga tempoh hukuman penjara atau selepas 25 tahun. Ada pakar yang berpandangan bahawa, adalah salah untuk seseorang dijatuhkan hukuman mati mandatori dan hukuman tersebut harus digantikan dengan hukuman sepanjang hayat. Sesetengah pakar turut mencadangkan agar satu garis panduan penghukuman disediakan untuk memberi panduan kepada para hakim semasa menjatuhkan hukuman.

(iv) Pandangan pakar terhadap amalan atau model penghukuman negara terbaik yang tidak melaksanakan hukuman mati

Pandangan pakar menyatakan bahawa antara amalan terbaik yang dicadangkan adalah untuk membangunkan suatu garis panduan penghukuman bagi memastikan keseragaman dalam penghukuman. Garis panduan penghukuman harus mengambil kira faktor-faktor mitigasi dan pemberatan demi memastikan kuasa budi bicara Mahkamah tidak terkesan dan pesalah diberikan

hak untuk didengari. Pakar-pakar perundangan juga berpandangan bahawa hukuman pemenjaraan bertujuan untuk membenarkan pemulihan dan integrasi banduan selaras dengan Artikel 10(3) ICCPR. Terdapat juga pakar yang mencadangkan suatu Suruhanjaya Penghukuman ditubuhkan di mana keahlian merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Selain daripada itu, dicadangkan agar suatu mekanisme mediasi antara mangsa dan banduan harus dilaksanakan.

(v) Pandangan pakar terhadap kaedah yang harus dilaksanakan untuk memastikan dan melindungi hak mangsa-mangsa

Pakar-pakar perundangan berpandangan bahawa untuk memastikan hak mangsa-mangsa dilindungi, suatu sistem sokongan untuk keluarga mangsa perlu ditubuhkan. Sistem keadilan yang efektif perlu dibangunkan dengan mengambil kira sistem sokongan kepada mangsa dan keluarga mangsa untuk menyuarakan pandangan mereka berkenaan dengan proses sistem keadilan jenayah di Malaysia. Terdapat cadangan untuk menggunakan mekanisme *victim's impact statement* semasa pendengaran penghukuman supaya mangsa dan keluarga mangsa berpeluang menyuarakan pandangan mereka.

Selain daripada itu, Mahkamah juga boleh mempertimbangkan pemberian pampasan kepada mangsa dan keluarga mangsa. Terdapat pandangan bahawa mangsa harus terlibat dalam proses pemeriksaan balas saksi defenden. Selain itu, pakar perundangan juga mencadangkan untuk melantik seorang pesuruhjaya untuk *victims' rights*, iaitu sebuah badan yang diwujudkan bagi memastikan komunikasi yang berkesan dapat disalurkan kepada keluarga mangsa.

(vi) Pandangan pakar terhadap langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan sebarang pencegahan yang diakibatkan hukuman mati

Kebanyakan pakar perundangan berpendapat bahawa hukuman mati tidak membawa sebarang kesan pencegahan. Bagi mengekang dan mencegah jenayah-jenayah daripada berlaku, adalah penting untuk memberi sumber dan latihan yang lebih baik kepada penguatkuasaan undang-undang untuk menangani jenayah-jenayah tersebut. Terdapat juga pandangan untuk mengekalkan hukuman mati dan menubuhkan suatu *Criminal Cases Review Commission* atau memansuhkan sebahagian hukuman mati dan pada masa yang sama menubuhkan *Criminal Cases Review Commission*.

(vii) Pandangan pakar terhadap *diyyat* sebagai hukuman gantian kepada hukuman mati

Terdapat pakar yang tidak bersetuju dengan cadangan *diyyat* sebagai hukuman gantian. Ini adalah kerana, hukuman *diyyat* akan bergantung kepada latar belakang sosio ekonomi seseorang pesalah. Oleh itu, orang yang tidak berpengaruh akan didiskriminasikan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan bahawa cadangan ini perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk memastikan sistem ini dapat dilaksanakan selaras dengan perundangan negara kita.

3.7 Dapatan Soal Selidik Atas Talian (*Online Public Survey)*

Selain daripada sesi libat urus yang melibatkan pertemuan dan perbincangan secara terus dengan pihak berkepentingan seperti yang dijelaskan di atas, Jawatankuasa Khas juga turut mengadakan soal selidik secara atas talian. Soal selidik tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan umum berkenaan cadangan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori.

Soalan-soalan yang dibangunkan terdiri daripada soalan jenis tertutup dan soalan jenis terbuka yang mana memerlukan responden memberikan penjelasan. Sebanyak 12 soalan telah disediakan dan daripada jumlah tersebut, 7 soalan merupakan soalan tertutup manakala selebihnya adalah soalan terbuka. Seramai **6,284** responden telah

melengkapkan soal selidik dan berikut adalah dapatan terhadap soalan-soalan tersebut:

(i) Soalan 1:

Persetujuan dengan hukuman mati dimansuhkan

Seramai 5,257 atau 83.66% responden tidak bersetuju hukuman mati dimansuhkan manakala 1,027 responden atau 16.34% bersetuju hukuman mati dimansuhkan.

(ii) Soalan 2:

Persetujuan bahawa hukuman mati mandatori sahaja dimansuhkan

Seramai 1,324 orang atau 21.07% responden sahaja yang bersetuju hukuman mati mandatori sahaja dimansuhkan manakala 4,960 atau 78.93% responden tidak bersetuju hukuman mati mandatori sahaja dimansuhkan.

Daripada 1,324 orang responden yang bersetuju hukuman mati mandatori sahaja dimansuhkan, seramai 243 orang responden berpandangan bahawa peluang kedua wajar diberikan kepada pesalah. Selain itu, ia turut memberikan kuasa budi bicara kepada Mahkamah untuk menentukan hukuman terbaik di atas kesalahan yang dilakukan.

Seramai 974 responden tidak bersetuju bahawa hukuman mati mandatori sahaja yang dimansuhkan dengan memberikan pandangan bahawa ia wajar dikekalkan untuk menimbulkan rasa takut kepada penjenayah. Manakala 533 responden berpandangan hukuman mati mandatori dapat memberikan pengajaran kepada orang awam serta penjenayah.

Selain itu, responden turut memberikan pandangan bahawa hukuman mati mandatori ini wajar dikekalkan bagi tujuan:

a) memastikan keadilan kepada mangsa dan keluarga;
b) memastikan hukuman yang adil dan setimpal atas kesalahan yang dilakukan;
c) memastikan keselamatan dan ketenteraman orang awam; dan
d) memastikan pelaksanaan undang-undang Islam dalam polisi penghukuman sedia ada dilaksanakan.

(iii) Soalan 3:

Sama ada responden mempunyai pengetahuan bahawa Mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati walaupun hukuman mati mandatori dimansuhkan

Seramai 3,450 atau 54.90% responden mengetahui bahawa Mahkamah masih boleh menjatuhkan hukuman mati walaupun hukuman mati mandatori dimansuhkan. Manakala baki seramai 2,834 atau 45.10% responden tidak mengetahui mengenai perkara tersebut. Oleh yang demikian, dapatan bagi soalan ini adalah agak seimbang.

(iv) Soalan 4:

Sama ada responden tahu kesalahan-kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati mandatori

Analisa soal selidik tersebut turut mendapati majoriti lebih 5,700 atau 90% responden mempunyai pengetahuan mengenai kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori dan hanya sebilangan kecil sahaja iaitu seramai 584 atau 9.29% responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai kesalahan-kesalahan tersebut.

(v) Soalan 5:

Hukuman gantian yang dicadangkan untuk menggantikan hukuman mati mandatori

Majoriti responden memberikan pandangan bahawa hukuman gantian kepada hukuman mati adalah hukuman penjara seumur hidup dan hukuman sepanjang hayat.

Selain itu, beberapa cadangan hukuman gantian lain adalah seperti berikut:

a) pemenjaraan dan sebatan;
b) pelaksanaan undang-undang Islam seperti hudud dan *diyyat*;
c) bayaran pampasan;
d) khidmat masyarakat;
e) buang negara; dan
f) program pemulihan.

(vi) Soalan 6:

Sama ada terdapat ahli keluarga/saudara mara/rakan /kenalan responden yang telah atau akan dijatuhkan dengan hukuman mati

Seramai 5,786 atau 92.08% responden tidak mempunyai ahli keluarga atau saudara-mara atau rakan kenalan yang telah atau akan dijatuhkan hukuman mati. Selebihnya seramai 498 atau 7.92% responden sahaja yang mempunyai ahli keluarga/rakan/kenalan anda yang telah atau akan dijatuhkan dengan hukuman mati.

(vii) Soalan 7:

Pandangan sama ada hukuman mati bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia

Seramai 5,323 atau 84.71% responden berpandangan bahawa hukuman mati tidak bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia. Antara pandangan yang dinyatakan bagi menjelaskan maklum balas tersebut adalah sebagaimana berikut:

a) Hukuman mati adalah setimpal dan sesuai berdasarkan kepada fakta kes dan jenis kesalahan;
b) Pelaksanaan hukum mati dibenarkan dalam hukuman *hudud* dan *qisas*;
c) Hukuman mati dianggap sebagai suatu keadilan dan pembelaan kepada mangsa dan keluarga;
d) Jenayah yang dilakukan melibatkan kehilangan nyawa seseorang;
e) Hukuman mati dapat memberikan ikhtibar dan pengajaran kepada masyarakat; dan
f) Hukuman mati dapat memberikan keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman orang awam.

Seramai 961 atau 15.29% responden berpandangan hukuman mati yang dijatuhkan adalah bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia. Mereka berpandangan bahawa:

a) Setiap manusia mempunyai kebebasan untuk hidup;
b) Hanya Tuhan sahaja yang mempunyai hak untuk mengambil nyawa manusia;
c) Banduan wajar diberikan peluang kedua; dan
d) Banduan mungkin menjadi mangsa keadaan.

(viii) Soalan 8:

Sama ada bersetuju bahawa hukuman mati boleh mencegah dan mengurangkan perbuatan jenayah

seperti pembunuhan, pengganas dan pengedaran dadah

Sebanyak 5,331 atau 84.83% responden bersetuju bahawa hukuman mati boleh mencegah dan mengurangkan perbuatan jenayah seperti pembunuhan, pengganas dan pengedaran dadah. Ia disokong dengan pandangan bahawa hukuman sedemikian merupakan suatu hukuman yang menggerunkan dan dapat memberi pengajaran serta keinsafan kepada banduan.

Namun, seramai 953 atau 15.17% responden tidak bersetuju pelaksanaan hukuman mati boleh mencegah perbuatan jenayah daripada berterusan. Ini kerana responden berpandangan bahawa statistik jenayah semasa menunjukkan peningkatan. Selain itu, tiada kajian khusus yang menunjukkan kesan positif daripada pelaksanaan hukuman mati.

(ix) Soalan 9:

Sama ada banduan yang dijatuhi hukuman mati wajar diberi kemaafan dan peluang kedua

Sebanyak 3,563 atau 53.70% responden bersetuju bahawa banduan yang dijatuhi hukuman mati wajar diberi kemaafan dan peluang kedua. Manakala 2,721 atau 43.30% responden tidak bersetuju banduan yang dijatuhi hukuman mati wajar diberi kemaafan dan peluang kedua.

(x) Soalan 10:

Pandangan sama ada wajar bayaran pampasan dikenakan ke atas pesalah untuk dibayar kepada keluarga mangsa dalam kes pembunuhan

Seramai 4,233 atau 67.36% responden bersetuju untuk pesalah membayar pampasan kepada keluarga mangsa dalam kes pembunuhan. Cadangan hukuman gantian ini juga merupakan hukuman *diyyat* iaitu hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang syariah Islam bagi kesalahan membunuh.

(xi) Soalan 11:

Sama ada responden bersetuju pemansuhan hukuman mati akan memberi kesan kepada ekonomi negara

Seramai 3,261 atau 51.89% responden tidak bersetuju bahawa pemansuhan hukuman mati akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Manakala 3,023 atau 48.11% responden bersetuju pemansuhan hukuman mati akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

(xii) Soalan 12:

Sama ada pemansuhan hukuman mati mandatori dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara

Seramai 4,246 atau 67.57% responden bersetuju bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori merupakan suatu ancaman keselamatan kepada masyarakat. Namun, 2,038 atau 32.43% responden tidak bersetuju pemansuhan hukuman mati mandatori merupakan suatu ancaman kepada keselamatan kepada masyarakat.

Analisa soal selidik atas talian adalah seperti di **Lampiran J.**

BAB 4: RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Lanjutan daripada dapatan dalam Bab 3 boleh dirumuskan seperti berikut:

4.1 Cadangan Pemansuhan Hukuman Mati

Pelbagai pandangan telah diperolehi daripada pakar perundangan, pihak berkepentingan dan masyarakat umum berkaitan dengan cadangan pemansuhan hukuman mati. Secara keseluruhan, pandangan tersebut menjurus kepada pemansuhan hukuman mati yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh berdasarkan kepada konsep hak asasi manusia dan piawaian yang telah ditetapkan.

Namun demikian, kebanyakan pandangan yang diterima adalah untuk **tidak memansuhkan hukuman mati.** Oleh yang demikian, cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori yang mana memberikan kuasa serta budi bicara kepada Mahkamah disokong dan dipersetujui oleh kebanyakan pihak.

Sehubungan itu, hukuman mati masih wujud dan kebanyakan pihak berpandangan pelaksanaan hukuman mati masih lagi relevan untuk digunakan sebagai salah suatu mekanisme pencegahan terutamanya bagi jenayah sangat kejam. Perkara ini selaras dengan pandangan kebanyakan agamawan Islam dan Bukan Islam.

Pada masa yang sama, pihak berkepentingan juga berpandangan bahawa jika sesuatu jenayah tidak mengakibatkan kehilangan nyawa, maka hukuman mati tidak wajar dijatuhkan dan ia hanya perlu dijatuhkan untuk jenayah yang disifatkan sebagai jenayah sangat kejam dan/atau *rarest of the rare*.

4.2 Hukuman Gantian Untuk Menggantikan Hukuman Mati Mandatori

Beberapa aspek perlu dipertimbangkan dalam menentukan hukuman gantian kepada hukuman mati mandatori sebagaimana berikut:

(i) Hukuman gantian perlu setimpal dengan jenayah yang dilakukan

Pandangan bahawa hukuman yang dikenakan perlu setimpal dengan jenayah yang dilakukan oleh seseorang. Ia boleh dilihat dalam kes pemilikan dadah dan pengedaran dadah, di mana hukuman yang dikenakan kepada keldai dadah dan pengedar utama perlu dibezakan. Begitu juga dengan hukuman yang mengakibatkan kematian dan yang tidak mengakibatkan kematian harus mengikut prinsip yang sama.

Selain daripada itu, jenis jenayah juga perlu dilihat sama ada ia merupakan jenayah yang telah dirancang dengan niat atau jenayah yang tidak berniat. Aspek keseriusan

jenayah tersebut perlu dinilai sama ada jenayah tersebut merupakan jenayah sangat kejam atau *rarest of the rare* sebelum hukuman dijatuhkan. Dalam hal ini, hukuman gantian harus setimpal dengan jenayah dan tidak mengakibatkan *incongruity* dengan hukuman-hukuman lain yang kurang serius.

(ii) Hukuman yang dijatuhkan perlulah mengambil kira fakta kes dan latar belakang setiap banduan

Kebanyakan pandangan yang diterima memberi penekanan kepada pentingnya untuk mempertimbangkan fakta kes dan latar belakang setiap banduan. Ini untuk memastikan hukuman yang akan dijatuhkan mengambil kira faktor-faktor luaran yang menyumbang kepada berlakunya jenayah tersebut. Selain daripada itu, terdapat pandangan bahawa *victim's impact statement* adalah sangat penting dalam sesi *sentencing hearing* di mana keadaan sebenar mangsa dapat diketahui oleh hakim sebelum penghukuman dijatuhkan.

(iii) Hukuman gantian pemenjaraan seumur hidup dan pemenjaraan sepanjang hayat

Kebanyakan cadangan yang diterima adalah untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman pemenjaraan, iaitu sama ada pemenjaraan seumur hidup atau pemenjaraan sepanjang hayat.

Namun demikian, terdapat juga pandangan bahawa pemenjaraan sepanjang hayat tidak memberi peluang keinsafan kepada banduan. Terdapat juga cadangan pemenjaraan sahaja perlu dijatuhkan dalam julat tempoh yang berbeza berdasarkan kepada keseriusan jenayah tersebut.

(iv) Parol dan sebatan

Kebanyakan pandangan yang diterima menyatakan bahawa bagi hukuman pemenjaraan seumur hidup, parol dibenarkan tetapi dengan syarat banduan tersebut telah menjalani tempoh pemenjaraan tertentu. Ini adalah bagi memastikan hukuman adalah setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Tempoh pemenjaraan pula perlulah berdasarkan kepada jenis jenayah dan keseriusan jenayah.

Bagi sebatan pula, kebanyakan pandangan yang diterima mencadangkan untuk mengekalkan hukuman sebatan sedia ada dan memperuntukkan hukuman sebatan di mana hukuman mati mandatori telah dimansuhkan. Ini bagi memastikan hukuman yang dikenakan *congruent* dengan hukuman lain yang kurang serius dan tidak dilihat sebagai terlalu ringan.

4.3 Konsep *Restorative Justice* Dan Pemulihan Banduan

Kebanyakan cadangan memberi penekanan kepada *restorative justice*. Mengikut prinsip ini, banduan perlu diberi peluang kedua untuk memperbaiki dirinya dengan bantuan dan sokongan daripada Jabatan Penjara Malaysia serta ahli keluarga sendiri. Terdapat pelbagai langkah yang telah dicadangkan termasuk program pemulihan seperti kaunseling, pendidikan sivik, pendidikan agama, pendidikan teknikal dan vokasional yang dapat membantu banduan berdikari dan berintegrasi dengan komuniti apabila mereka dibebaskan dari penjara.

Pada ketika ini, Jabatan Penjara Malaysia melaksanakan pelbagai program pemulihan banduan seperti berikut:

(i) program pemulihan banduan dalam penjara melalui 4 fasa iaitu orientasi, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan re-integrasi; dan

(ii) program pemulihan banduan luar penjara yang terdiri daripada parol, pusat pemulihan pemasyarakatan, pusat pemulihan wajib dan rumah perantaraan.

4.4 Pandangan Dari Perspektif Islam

Terdapat pandangan dari perspektif Islam bahawa konsep kemaafan dan pembayaran *diyyat* kepada keluarga mangsa perlu dipertimbangkan kerana keluarga mangsa merupakan

pihak yang paling terkesan. Konsep kemaafan ini tidak bermaksud banduan akan dilepaskan daripada bertanggungjawab ke atas jenayah yang telah dilakukannya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan bahawa konsep pembayaran *diyyat* adalah digunakan oleh golongan yang berkemampuan dari segi kewangan sahaja. Mekanisme *diyyat* juga telah diperakukan oleh hasil permuafakatan pengurusan hal ehwal Islam negeri-negeri di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara yang telah membincangkan berkenaan dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori. Melalui *munaqasyah* tersebut, satu persetujuan telah dicapai berkenaan dengan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori.

Bagi tujuan pembayaran *diyyat* ini, suatu dana persekutuan ditubuhkan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan untuk membuat bayaran *diyyat* tersebut. Lanjutan daripada cadangan di atas, suatu kajian yang lebih lanjut perlu dilaksanakan berkenaan konsep kemaafan dan pembayaran *diyyat.*

4.5 Implikasi Kewangan Kepada Kerajaan

Terdapat pandangan bahawa dengan pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori akan meningkatkan kos perbelanjaan kepada Kerajaan. Kos perbelanjaan ini termasuk kos pengurusan banduan dan fasiliti tambahan kepada banduan berisiko tinggi, kos pembinaan penjara baharu untuk menampung jumlah banduan yang meningkat serta kos sumber manusia bagi menyokong jumlah banduan tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengenalpasti kaedah menangani masalah ini. Ini adalah relevan bagi memastikan hak-hak banduan terjamin selaras dengan prinsip hak asasi manusia.

4.6 Cadangan Penambahbaikan Sistem Keadilan Di Malaysia

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang telah diketengahkan seperti berikut:

(i) membangunkan garis panduan penghukuman yang dapat memberi panduan kepada para hakim dalam membuat keputusan. Ini juga dapat memastikan hukuman yang dijatuh adalah konsisten dan turut mengambil kira pelbagai faktor kes dan latar belakang banduan;

(ii) menubuhkan *Criminal Cases Review Commission* bagi menyemak semula penghukuman yang telah dijatuhkan

untuk kes yang melibatkan hukuman pemenjaraan yang panjang;

(iii) menubuhkan Mahkamah Khas untuk membicarakan semula kes-kes banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati mandatori;

(iv) mewujudkan suatu *sentencing commission* yang diwakili oleh pelbagai lapisan masyarakat;

(v) mewujudkan suatu proses mediasi antara mangsa dan pesalah; dan

(vi) melantik seorang pesuruhjaya untuk *victims' rights* bagi memastikan komunikasi yang berkesan dapat disalurkan kepada keluarga mangsa.

4.7 Rumusan Terhadap Perbincangan Dapatan

Ahli-ahli Jawatankuasa Khas bersependapat bahawa hukuman mati mandatori wajar dimansuhkan. Pendirian ini berasaskan beberapa prinsip. Satu daripadanya ialah prinsip bahawa penghukuman mana-mana kesalahan jenayah perlu diletakkan pada budi bicara hakim. Ini adalah untuk menghormati dan menegakkan konsep pengasingan kuasa yang menjadi satu daripada teras Perlembagaan Persekutuan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Khas bersetuju bahawa:

(i) dalam keadaan kelakuan jenayah yang menyebabkan kematian, hukuman mati wajar dikekalkan tetapi tertakluk kepada budi bicara Mahkamah;

(ii) dalam keadaan kelakuan jenayah tidak menyebabkan secara langsung apa-apa kematian, hukuman mati tidaklah wajar; dan

(iii) dalam kes-kes yang melibatkan ancaman terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong dan Raja-Raja, hukuman mati masih wajar dikekalkan tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

Soal pemansuhan hukuman mati secara menyeluruh ada dibangkitkan semasa sesi *town hall* oleh wakil NGO dan pakar-pakar undang-undang. Walau bagaimanapun, isu ini tidak termasuk dalam terma rujukan Jawatankuasa Khas. Ahli-ahli Jawatankuasa Khas berpendapat bahawa isu ini patut dijadikan perkara yang seharusnya dikaji secara menyeluruh dan mendalam oleh Kerajaan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Khas bersimpati dengan kesengsaraan yang dialami oleh keluarga mangsa yang kehilangan nyawa. Dalam kes ini, soal hukuman yang setimpal dengan kesalahan banyak dibincangkan. Walau bagaimanapun, isu tentang kos pengurusan banduan akan meningkat disebabkan pemansuhan hukuman mati mandatori

tidak seharusnya diambil kira dalam perkara ini. Dalam mencapai suatu keputusan, keadilan dalam menjatuhkan hukuman harus dijadikan keutamaan berbanding isu implikasi kos.

Dari segi mencapai keadilan dan pemberian hukuman setimpal, hak keluarga mangsa patut diberi perhatian. Sistem keadilan bukanlah suatu mekanisme untuk membalas dendam, ataupun mencapai kesamarataan penderitaan (*equality of suffering*) antara keluarga mangsa dan keluarga banduan. Kanun Keseksaan memperuntukkan untuk Mahkamah menerima dan mendengar kenyataan impak oleh mangsa atau keluarganya sebelum hukuman dijatuhkan. Selain itu, jika dimohon oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mahkamah boleh memerintahkan pampasan dibayar oleh banduan kepada mangsa atau keluarganya sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan. Mangsa dan keluarga mangsa juga berhak untuk menuntut ganti rugi mengikut undang-undang sivil.

Berdasarkan sesi libat urus yang telah dijalankan, terdapat banyak pandangan yang bersetuju *dengan* pelaksanaan pembayaran *diyyat* kepada keluarga mangsa. Malah perkara ini juga telah dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Program Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam dan Negeri-Negeri di bawah naungan Seri Paduka Baginda di Istana Negara pada 20 Jun 2019. Konsep pembayaran *diyyat* boleh diterima secara am, dan pandangan dari sudut agama Islam

adalah relevan. Konsep *diyyat* juga tidak membebaskan pesalah daripada dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang. Jawatankuasa Khas berpandangan bahawa kajian lanjut perlu dilaksanakan sebelum konsep ini dapat diterima pakai.

Satu daripada cadangan hukuman gantian kepada pemansuhan hukuman mati mandatori ialah pemenjaraan sepanjang hayat. Dalam konsep *restorative justice*, mana-mana hukuman pemenjaraan sepatutnya memberi peluang kepada banduan termasuk yang dijatuhkan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat untuk insaf dan berubah. Bagi maksud ini, banduan yang dijatuhi hukuman pemenjaraan sepanjang hayat wajar dipertimbangkan untuk parol. Ini akan memerlukan pindaan kepada Akta Penjara 1995 [*Akta 537*].

Jawatankuasa Khas pada umumnya berpendapat bahawa hukuman gantian kepada hukuman mati mandatori seharusnya termasuk hukuman sebatan. Ini adalah untuk mencerminkan keseriusan kesalahan-kesalahan ini. Kombinasi hukuman pemenjaraan dan sebatan adalah wajar supaya dilihat sebagai hukuman yang lebih berat berbanding hukuman untuk jenayah-jenayah lain.

Jika hukuman mati mandatori dimansuhkan, kedudukan 1,305 banduan yang telah dijatuhi hukuman mati secara mandatori perlu dilihat semula. Jumlah ini adalah termasuk 24 orang banduan akhir yang mana permohonan pengampunan mereka telah ditolak.

Sekiranya hukuman mati mandatori dimansuhkan, pindaan kepada undang-undang berkaitan perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, manfaat pindaan ini akan turut terpakai kepada banduan akhir yang sedang menanti pelaksanaan hukuman mati, di mana hukuman mati ke atas mereka perlu disemak semula.

BAB 5: SYOR DAN KESIMPULAN

5.1 Syor

Syor Jawatankuasa Khas ini disediakan berpandukan kepada terma rujukan sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri semasa penubuhan Jawatankuasa Khas ini.

Syor Jawatankuasa Khas ini juga adalah berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan kajian ini seperti yang dinyatakan dalam Bab 3 dan Bab 4.

(i) TERMA RUJUKAN 1

Menyemak dan mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman berdasarkan cadangan Jemaah Menteri untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk pada budi bicara Mahkamah.

SYOR 1:

Polisi penghukuman yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Khas adalah berdasarkan pada prinsip-prinsip berikut:

(i) Bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, hukuman mati atas budi bicara Mahkamah dikekalkan;

(ii) Bagi kesalahan yang lain yang tidak menyebabkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh Mahkamah; dan

(iii) Sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh Mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman sebatan.

Cadangan di atas adalah selaras dengan prinsip *proportionality* yang merupakan sebahagian daripada falsafah undang-undang negara.

Disyorkan 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori digantikan seperti yang berikut:

"bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, pesalah hendaklah dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan tidak kurang daripada 30 tahun yang boleh dilanjutkan sehingga pemenjaraan sepanjang hayat."

Syor hukuman gantian yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori adalah seperti dalam **Jadual 5.1** yang berikut:

ACT	SECTION	OFFENCE	EXISTING SENTENCE	PROPOSED ALTERNATIVE SENTENCE
Penal Code [Act 574]	121A	Offences against the person of the Yang di-Pertuan Agong or a Ruler or Yang di-Pertua Negeri	shall be punished with death and shall also be liable to fine.	**shall be punished with death or imprisonment for life and shall also be liable to whipping.**
	130C	Committing terrorist acts, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping**; or (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping.**
	130I	Directing activities of terrorist groups, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death. .	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or** (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping**.
	130N	Providing or collecting property for terrorist acts, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and**

ACT	SECTION	OFFENCE	EXISTING SENTENCE	PROPOSED ALTERNATIVE SENTENCE
				which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping**.
	130O	Providing services for terrorist purposes, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or** (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping**.
	130QA	Accepting gratification to facilitate or enable terrorist acts, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or** (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping.**

ACT	SECTION	OFFENCE	EXISTING SENTENCE	PROPOSED ALTERNATIVE SENTENCE
	130ZB	Accepting gratification to facilitate or enable organized criminal group, and where the act causes death.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or** (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping.**
	302	Punishment for murder which is provided for under section 300.	shall be punished if the act result in death with death.	**shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping.**
	374A	Hostage-taking.	shall be punished if the act result in death with death.	**(a) if the act results in death, shall be punished with death or imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping; or** (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than 7 years but not exceeding 30 years and **shall also be liable to whipping**.
Firearms (Increased	3	Penalty for discharging a firearm in the	shall be punished with death.	**Imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to**

ACT	SECTION	OFFENCE	EXISTING SENTENCE	PROPOSED ALTERNATIVE SENTENCE
Penalties) Act 1971 [Act 37]		commission of a scheduled offence.		**natural life and shall also be liable to whipping.**
	3A	Penalty for accomplices in case of discharge of firearm.	shall be punished with death.	**Imprisonment for a term of not less than 30 years, and which may extend to natural life and shall also be liable to whipping.**

Jadual 5.1: Syor Hukuman Gantian Terhadap 11 Kesalahan Yang Membawa Hukuman Mati Mandatori[2]

Bagi kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*], Jawatankuasa Khas mengesyorkan bahawa subseksyen 39B(2A) dan subseksyen 39B(2B) Akta itu dimansuhkan dan hukuman gantian terhadap kesalahan ini disyorkan dalam **Jadual 5.2** yang berikut:

[2] Semua cadangan pindaan hukuman gantian yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas dalam Jadual 5.1 telah dinyatakan dalam Bahasa Inggeris mengikut teks asal Kanun Keseksaan kerana tiada terjemahan rasmi dalam Bahasa Melayu.

ACT	SECTION	OFFENCE	EXISTING SENTENCE	PROPOSED ALTERNATIVE SENTENCE
Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234]	39B	Penalty for trafficking in dangerous drugs	Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of the offence against this Act and shall be punished on conviction with death or imprisonment of life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than fifteen strokes.	**Imprisonment for a term of not less than 20 years, and which may extend to imprisonment for natural life and be punished with whipping of not less than 15 strokes**.

Jadual 5.2 : Hukuman Gantian Bagi Kesalahan Seksyen 39B Di Bawah Akta Dadah Berbahaya 1952[3]

Syor hukuman gantian terhadap seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] adalah konsisten dengan prinsip polisi penghukuman yang dicadangkan seperti di perenggan Syor 1. Selaras dengan pindaan yang dicadangkan, maka dicadangkan seksyen 39B(2A) dan seksyen 39B(2B) dimansuhkan.

Selain itu, terdapat 22 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara Mahkamah. Bagi memastikan dasar penghukuman adalah setimpal

[3] Cadangan pindaan hukuman gantian yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas dalam Jadual 5.2 telah dinyatakan dalam Bahasa Inggeris mengikut teks asal Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana tiada terjemahan rasmi dalam Bahasa Melayu.

dengan jenayah yang dilakukan, kesalahan-kesalahan ini juga telah disemak dan cadangan hukuman gantian telah diberi (jika terdapat sebarang pindaan). Senarai cadangan hukuman gantian untuk 22 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara Mahkamah adalah seperti di **Lampiran K.**

Syor hukuman gantian di atas turut mengambil kira kesalahan lain yang bersifat kurang serius berbanding kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi memperuntukkan hukuman yang berat seperti contoh di **Lampiran L**. Dengan itu, hukuman gantian bagi kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori hendaklah lebih berat daripada kesalahan-kesalahan tersebut untuk memastikan keseragaman dan mengelakkan *incongruity* dalam proses penghukuman.

(ii) TERMA RUJUKAN 2:

Mengkaji kesesuaian pelaksanaan hukuman berasaskan kaedah *restorative justice*

SYOR 2:

Prinsip pemulihan keadilan seharusnya diterapkan ke dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Perkara ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Walau bagaimanapun, prinsip ini perlu dipergiatkan untuk membawa perubahan yang positif dari segi pemulihan kepada banduan.

Prinsip tersebut juga merupakan suatu perkara yang kerap kali dibincangkan semasa sesi libat urus dan juga dalam pandangan pakar-pakar undang-undang. Melalui prinsip *restorative justice* seperti latihan teknikal dan vokasional serta pengisian rohani, ia akan dapat menyediakan banduan bagi tujuan integrasi semula dalam masyarakat.

(iii) TERMA RUJUKAN 3:

Mengkaji dan mencadangkan kaedah-kaedah untuk menangani isu-isu hukuman mati mandatori terhadap:

(a) 1,305 orang banduan yang telah dijatuhi hukuman mati dan sedang/telah mengemukakan rayuan pengampunan kepada Lembaga Pengampunan Negeri; dan

(b) pelaksanaan hukuman mati melibatkan 24 orang banduan daripada 1,305 orang banduan yang mana rayuan pengampunan telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri termasuk kuasa pengampunan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Raja/Yang di-Pertua Negeri menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

SYOR 3:

Dalam konteks banduan hukuman mati (sama ada yang telah diberikan pengampunan atau ditolak rayuan pengampunannya), adalah dicadangkan agar suatu

panel khas hakim Mahkamah Persekutuan ditubuhkan di bawah suatu undang-undang yang digubal oleh Parlimen. Komposisi panel khas ini akan terdiri daripada 7 orang atau lebih bekas hakim Mahkamah Persekutuan atau bekas hakim Mahkamah Rayuan untuk mendengar kes mereka bagi tujuan semakan semula hukuman selaras dengan pindaan undang-undang berkaitan kesalahan mereka. Keputusan panel khas ini adalah muktamad, namun permohonan pengampunan kepada Lembaga Pengampunan masih boleh dikemukakan untuk pertimbangan sekiranya hukuman mati masih dikekalkan terhadap banduan.

Selagi mana perundangan berkaitan pemansuhan hukuman mati tidak digubal dan mekanisme penghukuman semula masih belum ditetapkan, moratorium pelaksanaan hukuman mati masih perlu terus berkuat kuasa.

(iv) Parol

